

A silhouette of a person reading a book at sunset. The person is on the right side of the frame, holding an open book. The sun is low on the horizon, creating a bright glow and lens flare effects. The background is a clear sky with some distant trees or hills.

4 HARI

DOA &  
PUASA

7.8-15.9.2020

*Mendengar Roh Kudus  
Pada Masa Seperti Ini (Wahyu 2-3)*

NECF  
MALAYSIA



A black and white photograph of a person in silhouette, seen from the side, holding an open book. The person is positioned on the right side of the frame, with their head bowed as if reading. The background is a bright, hazy sky with a sun low on the horizon, creating a strong lens flare effect. The foreground shows the dark silhouette of a field or grass. The overall mood is contemplative and spiritual.

4 HARI

DOA &  
PUASA

7.8-15.9.2020

*Mendengar Roh Kudus  
Pada Masa Seperti Ini (Wahyu 2-3)*

NECF  
MALAYSIA

# Daftar Kandungan

- 7** Mendengar Suara Roh Kudus untuk Masa Seperti ini
- 9** Tahun Dekad yang Baharu
- 11** Adakah Kita Mendengar Roh Tuhan?
- 13** Penggunaan Dana yang Dikumpulkan Hasil Daripada 40 Hari Puasa dan Doa
- 15** Hari 1-3: Mempersiapkan Hati, Fikiran dan Roh Kita untuk Mendengar

- 19** Hari 4-8: Memperbaharui Kasih yang Pertama Kita
- 25** Hari 9-13: Pemulihan Orang Yang Setia
- 31** Hari 14-18: Pedang Bermata Dua Yang Tajam
- 37** Hari 19-23: Kuasa Kekudusan dan Nubuat

**43** Hari 24-29: Dibangunkan untuk Hidup

**50** Hari 30-34: Pintu Yang Terbuka Tiada Seorang Pun Yang Boleh Tutup

**56** Hari 35-40: Api Sang Pemurni. Bersiap sedia untuk Mengatasi.

**63** Penghargaan



# Mendengar Suara Roh Kudus untuk Masa Seperti ini

**Rev. Dr. Eu Hong Seng**

(Pengerusi Persaudaraan Kristian Evangelikal Nasional)

Tujuh buah gereja yang disenaraikan di Wahyu 1:11 dikatakan merupakan wakil gereja-gereja pada hari-hari akhir sebelum kedatangan Yesus Kristus yang kedua kalinya.

Alkitab menghuraikan mereka sebagai tujuh kaki dian dari emas (Wah 1:12), dan di tengah-tengah mereka berdirinya Anak Manusia, berpakaian jubah yang panjangnya sampai di kaki dan dadanya berlilitkan ikat pinggang dari emas.

Setiap gereja ini menerima mesej yang jelas, “Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat.”

Pertama, adalah penting untuk perhatikan “telinga” dan bukan “telinga-telinga.” Tuhan mahu kita mendengar bukan hanya dengan telinga fizikal, tetapi dengan telinga dalaman, suatu rujukan kepada roh manusia batiniah kita.

Mari kita jangan terlepas daripada kebenaran yang penting bahawa Dia Tuhan yang bukan sahaja berfirman tetapi mahu berfirman kepada kita, umat-Nya. Pada saat Dia berfirman, adalah mustahak kita mendengar dengan telinga kita.

Malangnya, Gereja hari ini tidak mendengar dengan baiknya. Kita tidak berusaha untuk berjalan secara intim seperti mana yang diperintahkan. Kita lalai dalam doa dan dalam belajar Firman-Nya. Kita ada motif yang tidak tepat apabila kita mahu mendengar daripada Dia. Sering kali kita berjalan dalam keangkuhan dan nafsu mengejar ha-hal yang ada di dunia. Kita tidak bertekun untuk memperbaharui fikiran kita, berjalan dalam kekudusan, atau sedar bahawa Dia berfirman melalui banyak cara. Sedikit antara kita yang mengasingkan waktu secara kerap untuk mendengar mesej-Nya dan sedihnya, kita tidak antusias mahu mentaati suaraNya.

Apa yang dibicarakan oleh Roh adalah penting! Bukan apa yang dicadangkan oleh manusia, bukan apa yang dilaungkan oleh dunia, bukan apa yang dipaksa oleh kanak-kanak, bukan apa yang dipujuk oleh kawan rapat, bukan apa yang dinasihati oleh para psikiatri atau psikologi malah bukan apa yang dinyatakan oleh para pemerintah.

Gereja dipenuhi dengan banyak suara yang bersaing. Apa yang hilang ialah suara Roh yang kecil dan lembut serta suara nubuat daripada ruang takhta-Nya.

Ramai orang berlari ke sana ke sini, perhatian terganggu, marah dan tanpa arah.

“Apa yang Roh berbicara kepada Gereja – tidak dapat diragukan bahawa terdapat banyak suara yang sedang mengerumuni suara Roh.

Pergelutan kuasa yang terakhir dalam negara kita setelah Perdana Menteri ketujuh meletak jawatan memberi kita suatu contoh yang baik tetapi yang malang tentang Gereja yang tuli dan tidak bermaya. Ramai terlibat dalam perbincangan yang sibuk mengenai negara manakala yang lain, yang ada disiplin untuk berdoa, memenuhi bilik peperangan dengan tangisan untuk kesudahan yang mereka harapkan. Secara jujurnya, berapa ramaikah orang sebenarnya berhenti seketika untuk mendengar apa yang sedang dibicarakan oleh Roh dan dengan tulusnya mencari kehendak Tuhan yang sempurna bagi negara kita?

Nabi Yesaya berkata, “Siapakah di antara kamu yang mau memasang telinga kepada hal ini, yang mau memperhatikan dan mendengarkannya untuk masa yang kemudian? “(Yesaya 42:33) Soalan nubuat ini masih bergendang di ruang gereja, rumah, jalanan, lorong, pasar raya, sekolah dan di pejabat-pejabat kerajaan – “siapakah yang mahu memasang telinga... mendengarkannya.”

“Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat.” Panggilan ini diulang tujuh kali dalam kitab wahyu! Tibanya masa untuk kita mendengar.



# Tahun Dekad yang Baharu

**Pr. Sam Ang**

(Secretary General of NECF)

Tahun 2020 akan menjadi tahun yang signifikan untuk NECF. Ia merupakan tahun untuk dekad yang baharu bila Tuhan kita akan melakukan sesuatu yang baharu untuk gereja-Nya. Alangkah sukacitanya kerana NECF menyambut ulang tahun yang ke-20 menjalankan acara yang unggul ini, “40 Hari Puasa dan Doa,” melayani gereja-gereja evengelikal di Malaysia.

Semasa ahli Jawatankuasa Kerja membincangkan tema untuk Buku Doa 2020 pada bulan November 2019, kami menjangkakan bahawa tahun depan ialah tahun yang mencabar bagi gereja Malaysia. Kami tidak tahu dalam dua bulan pertama tahun baharu ini, dunia mengalami tiga malapetaka, iaitu kebakaran hutan di Australia, serangan belalang di Afrika dan epidemik COVID-19 dari China yang kini sudah melanda secara global. Kesan serta-merta yang kita sedang saksikan ialah kekecewaan, pengunduran diri dan hilang arah sama sekali.

Perhatian segera kami pada masa itu ialah bagaimana dengan gereja bila kita masuk ke dekad yang baharu. Apa yang jelas pada penutup tahun lepas ialah Gereja kekurangan pengertian mengenai isu yang gereja hadapi dan kerana itu telah hilang posisi sebagai garam dan terang. Gereja juga telah menunjukkan bahawa gereja kurang yakin pada Tuhan dan mula berundur dan bukannya maju di tempat umum.

Apa yang sangat ketara ialah gereja berakar umbi dalam banyak program dan aktiviti untuk perkara yang baik tetapi telah mengabaikan dalam hal bersendirian dan diam untuk mengerti suara Tuhan. Gereja gagal untuk memimpin umat-Nya keluar daripada kitaran ketakutan. Malah gereja sudah hilang keunggulannya untuk menjadi kepala dan memberitakan pengharapan yang mereka dapat miliki dalam Kristus.

Untuk sebab-sebab ini, tema “Mendengar Suara Roh Kudus untuk Masa Seperti ini” muncul. Gereja perlu kembali kepada asas dan cenderung telinga kita untuk mendengar apa yang Roh bicarakan.

Kami mahu mendorong anda untuk menggunakan bahan renungan ini dalam sikap berdoa dengan seriusnya, bukan untuk diri anda sahaja tetapi juga untuk berkongsi dengan orang lain agar secara terkumpul tubuh Kristus akan dimuliakan.

Kerinduan terdalam kita ialah melihat Gereja Malaysia diubah dan tujuannya tercapai untuk kemuliaan Tuhan kita.

# Adakah kita mendengar Roh Tuhan?

**Rev. Looi Kok Kim**

(Pengerusi Komisi Doa, NECF)

Dalam masa-masa krisis, apakah yang baik yang kita dapat lihat untuk negara kita? Penularan pandemik COVID-19 telah meragut ribuan nyawa. Serangan belalang di Kenya, Ethiopia, dan Somali telah memusnahkan ratusan ladang dan tanaman yang mengakibatkan kekurangan makanan. Semua ini telah mengakibatkan ketakutan yang besar dan ketidaktentuan secara global. Ketakutan akan apa yang tidak diketahui boleh mencetuskan situasi ‘di luar kawalan’. Ia boleh memberi kesan kepada kemerosotan sosio-ekonomi dan ketidaktentuan politik. Negara yang menghadapi kesusahan akan mengharapkan pemulihan tetapi mungkin tidak dapat lihat apa pun yang baik daripada keadaan ini.

Sebaliknya, dalam apa pun krisis yang muncul, sentiasa adanya suatu kebangkitan atau panggilan amaran! Ia adalah panggilan daripada Tuhan kepada anak-anak-Nya dan kembali kepada Dia. Dalam keadaan kita, kita mungkin perlu suatu perubahan rutin dan gaya hidup harian kita, tetapi ia akan menjadi suatu perubahan daripada keselesaan kepada mengadakan masa bersama dengan TUHAN dengan sengajanya. Ia adalah mengasingkan masa untuk membaca Firman Tuhan – mungkin dalam bahagian yang besar setiap hari (ikut jadual harian kami jika anda boleh), kemudian merenungkan Firman-Nya dan berdoa. Ulangan 17:18-20 memberi kita peraturan hidup. Walaupun ia adalah untuk raja-raja, ia juga untuk setiap orang percaya dalam Kristus untuk melakukan perkara itu. Ia merupakan satu disiplin yang tidak boleh dirunding untuk membaca Alkitab setiap hari selama kita hidup. Tujuan utamanya ialah untuk mengenal “Siapa Tuhan!” (Daniel 11:32)

Krisis global atau nasional merupakan tanda pada garis masa untuk mempersiapkan umat Tuhan untuk maju ke depan. Dalam masa-masa kritikal situasi apa pun, jangan patah semangat, panik atau tidak ucapkan apa-apa yang baik. Dalam Matius 24:6-8, Yesus sudah lebih dahulu memberi amaran kepada kita. Ia adalah satu peringatan yang baik untuk selarikan semula hubungan kita dengan Tuhan, dan mengetahui tujuan yang Tuhan adakan untuk hidup kita dan untuk Malaysia. Gelombang suntikan rohani datang dengan kesedaran, kebangkitan dan transformasi. Tapi fokus yang terpenting ialah semuanya mengenai tujuan Tuhan untuk Malaysia. Oleh itu, apa yang kita dapat nampak untuk Malaysia? Tuhan ada satu tujuan untuk Malaysia. Apa yang diperlukan ialah menerapkan hidup kita dalam Firman Tuhan dan izinkan Roh Kudus menyatakan Diri-Nya dalam masa-masa seperti ini.

Mendengar Roh Tuhan tidak boleh dipisahkan daripada menerap dalam Firman Tuhan. Usaha untuk mendisiplinkan diri kita untuk mengenal Tuhan dan mengikut Dia akan membolehkan kita untuk bertumbuh dengan dalamnya dalam Tuhan. Pekerjaan penting Kerajaan Tuhan harus dijalankan dalam doa yang sungguh-sungguh dan dalam melakukan kehendak-Nya. Ia merupakan suatu pemupukan rohani yang lebih tinggi. Umat Tuhan yang mengasihi Malaysia harus bangkit di atas bahan-bahan doa yang tertulis. Lebih banyak ketakutan akan mula wujud tetapi bagi yang mengenal Tuhan, mereka akan tetap bersatu dalam Dia dan berdiri teguh untuk memenuhi tujuan Tuhan.

Dalam buku 40 hari ini “Mendengar Suara Roh Kudus untuk Waktu Seperti ini,” fokusnya ialah pembacaan Alkitab, diikuti dengan renungan Firman Tuhan, dan mengizinkan Roh Tuhan untuk menuntun anda untuk berdoa berdasarkan panduan doa yang umum dan seterusnya. Ingat, fokus kita ialah untuk mengenal Tuhan.

Sebelum anda mula untuk berpuasa, cari Tuhan dalam memilih mana-mana yang berikut – puasa separa (langkau satu atau dua masa makan), puasa Daniel (elak daripada daging) atau puasa penuh (minum hanya air atau jus). Anda akan mengalami sesungguhnya sukacita dalaman, hubungan yang menyegarkan, dan kekuatan yang berkelimpahan yang datang daripada Dia. Diberkatilah perjalanan anda sepanjang anda mengejar Tuhan.

# Penggunaan Dana yang Terkumpul Daripada 40 Hari Puasa dan Doa

*Dana tahun ini telah ditetapkan untuk dua bahagian yang utama. Pertama, dana itu akan disalurkan untuk penerbitan dan pengedaran Alkitab dan yang kedua kepada pembangunan kepimpinan eksekutif.*


## Penerbitan dan Pengedaran Alkitab

Tahun 2020 telah diangkat sebagai Tahun Global Alkitab. Inisiatif sepanjang tahun ini bertujuan untuk mengutarakan dan meraikan peranan Alkitab yang tiada tandingnya yang telah dimainkan dan impak yang besar ke atas manusia sepanjang zaman. Ia juga bertujuan untuk memberi inspirasi dan meningkatkan pembelajaran dan penglibatan Alkitab melalui membaca dan mendengar Firman Tuhan secara peribadi atau umum serta memberi motivasi dan mendorong orang percaya untuk berkongsi Firman Tuhan dengan jiran mereka. Usaha-usaha ini bertujuan untuk mengurangkan kemiskinan rohani dalam erti kata penggunaan Alkitab. Dengan ini, akan mewujudkan keluarga dan masyarakat yang lebih baik di seluruh dunia.

Dengan ini dalam pemikiran dan sempena tahun 2020 Tahun Global Alkitab, NECF merancang untuk menerbitkan Perjanjian Baru sebagai hadiah kepada orang yang belum percaya dengan menggunakan pengumpulan dana kebajikan tahun ini. Semua ini akan disediakan untuk gereja pada harga yang dikurangkan.

## Pembangunan Kepimpinan Eksekutif

“Segala sesuatu bangkit dan jatuh pada kepimpinan,” kata Dr. John Maxwell. Kepimpinan yang kuat dan efektif memainkan peranan yang sangat ketara dalam pertumbuhan dan kejayaan sesebuah organisasi. Setiap organisasi yang bertumbuh dan sukses tahu nilai pembangunan kepimpinan dan terlibat di dalamnya.




Selain menajamkan keberkesanan seseorang pemimpin, ia juga adalah kunci dalam proses perancangan pelapis di mana pemimpin yang berkaliber tinggi dibentuk untuk memenuhi kedudukan senior yang kosong.

Dengan semakin ramai pemimpin gereja yang semakin hampir kepada persaraan,, sekarang adanya keperluan yang mendesak untuk memperlengkapkan dan membangun pemimpin baru untuk mengambil kedudukan mereka. Oleh itu, dana yang dikumpulkan itu juga adalah untuk Pembangunan Kepimpinan Eksekutif.

### **Bagaimanakah untuk Memberi?**

Dalam apa pun jumlah yang anda ingin berikan, sama ada secara individu mahupun secara korporat, anda boleh bank-in secara langsung ke akaun NECF (National Evangelical Christian Fellowship) di Public Bank (nombor: 3078972807). Mohon anda kirim slip bank-in anda melalui e-mel ([prayer@necf.org.my](mailto:prayer@necf.org.my)) atau faks (03-77291139), dan menulis bahawa ia adalah untuk Dana 40 Hari Puasa & Doa.



# Hari 1-3

## **Mempersiapkan Hati, Fikiran dan Roh Kita untuk Mendengar**

*(Wahyu 2-3)*

## Barangsiapa yang Menang

*“Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat: Barangsiapa menang ...” (Wahyu 2:7)*

Pernyataan di atas diisytiharkan kepada tujuh buah gereja di Wahyu. Mereka dipanggil untuk mendengar apa yang sedang dibicarakan oleh Roh Kudus dan untuk menjadi pemenang semasa hari-hari depan mereka yang gelap dan mencabar.

Dalam pembacaan hari ini di Matius 1-5, kita juga akan sedar bahawa Tuhan Yesus Krisus dilahirkan pada masa yang gelap untuk memberi pengharapan, penyembuhan dan pemulihan kepada dunia yang hancur yang dijangkiti dengan ketidakadilan, rasuah dan permainan yang jahat.

Akan tetapi di tengah-tengah semua itu, Allah Bapa memutuskan bahawa waktunya tepat untuk Anak tunggal-Nya untuk datang ke dunia dilahirkan sebagai seorang bayi oleh perawan Maria.

Walaupun peperangan bermula sejak permulaan kelahiran Yesus, Tuhan berkuasa mengawal setiap langkah perjalanan. Dan pada masa Yesus memulakan pelayanan awam-Nya Kerajaan Tuhan mula memberi impak. Cara hidup dan pemikiran yang lama dicabar dan Dia sedang memanggil murid-murid yang sudi untuk berfikir dan bertindak dengan berbeza. (Lihat Matius 5:1-16) Panggilan itu masih berlaku untuk kita hari ini.

Dapatkan anda melihat diri dalam keadaan ini? Sudikah anda menjadi garam dan terang untuk masa seperti ini? Jika ya, mari kita mempersiapkan hati, fikiran dan roh kita untuk mendengar apa yang Roh Kudus sedang bicarakan kepada kita dan belajar untuk menjadi pemenang untuk bangsa, anak dan cucu kita.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa sebagai orang percaya dalam zaman sekarang yang penuh dengan begitu banyak tuntutan dan perkara-perkara yang mengalihkan perhatian kita, kepalsuan, kita akan tetap diperbaharui dalam fikiran dan roh kita, bahawa hati dan fikiran kita akan diselaraskan dengan kebenaran Tuhan, dan kita dapat menjadi duta Kristus yang efektif yang mengatasi dunia dan yang membawa pengharapan, penyembuhan dan pemulihan kepada masyarakat yang hancur.
- Berdoa untuk Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah ibni Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah, supaya DYMM Seri Paduka Baginda akan terus menggunakan kuasa Baginda dengan hikmat sama ada berdasarkan budi bicara atau atas nasihat Perdana Menteri, Kabinet atau Majlis Raja-raja, untuk menjaga dan menegakkan keamanan, keharmonian dan kemakmuran negara.



## Jadilah Garam & Terang

Hari ini kita sambung dengan perjalanan kita dalam memberi respons kepada panggilan-Nya menjadi garam dan terang.

Daripada Matius 6-10, kita lihat bahawa Yesus bukan sahaja mengajar orang tentang perubahan yang mereka perlu lakukan agar menjadi garam dan terang dalam masyarakat mereka, Dia juga menunjukkannya dengan menyembuhkan orang yang ditolak (orang yang sakit kusta), yang tidak kelihatan tetapi berharga (hamba seorang perwira) dan ramai lagi. Tidak kira bangsa, kedudukan dan pekerjaan mereka (ada antara mereka dibenci oleh masyarakat secara umumnya, seperti Matius, pemungut cukai), Yesus menunjukkan kasih abadi Tuhan kepada semua orang yang datang kepada Dia dan Dia menjamah hidup ke mana pun Dia pergi.

Pada masa yang sama, Dia juga mengajar kita untuk memiliki motif yang sejati dalam apa pun yang kita lakukan agar kita akan menyenangkan hati Bapa Syurgawi kita. Kita perlu mencari Kerajaan Keadilan-Nya, Kebenaran, dan Kebaikan Kasih-Nya sementara pada masa yang sama berjalan dalam pengampunan. Dia memperingatkan kita bahawa tidak akan semudah kita menghadapi cabaran dan tentangan – kadangkala malah daripada orang yang kita sayangi.

Renungan: Masa seperti ini, sementara fikiran kita lebih cenderung mempertahankan diri, Yesus mencabar kita untuk menjadi seperti domba di tengah-tengah serigala. Kita perlu cerdik seperti ular dan tulus seperti merpati (lihat Matius 10:16-20).

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar kita menjadi garam dan terang dalam masyarakat kita dan kita akan menyentuh hidup orang lain secara peribadi dalam perjalanan harian kita bersama Tuhan, menyatakan kuasa, nilai, watak dan gaya hidup Kerajaan Tuhan agar masyarakat di mana kita berada akan dapat mengenal keindahan, keajaiban dan keagungan Tuhan.
- Berdoa untuk Perdana Menteri Malaysia, agar Tuhan memberkati beliau dengan kesihatan yang baik dan roh yang cemerlang, agar beliau menjadi tiang kekuatan dan melaksanakan pengadilan yang baik dan bijak dengan hati yang berintegriti setiap kali beliau menjalankan tugasnya ke atas Kabinet dan autoriti kerajaannya ke atas negara.

## Dengarkanlah Apa yang Roh Bicarakan

Untuk pembacaan hari ini kita mendapati pelbagai kisah yang berbeza-beza:

1. Iman Yohanes Pembaptis digoncang semasa dia di dalam penjara.
2. Amaran kepada kota-kota yang tidak bertaubat dan kepada pemimpin agama yang degil.
3. Mengapa sesetengah orang tidak akan diberi wahyu pengetahuan daripada Tuhan (sebab-sebab Yesus menggunakan Perumpamaan).
4. Bagaimana seseorang dinajiskan.

Dapatkah anda tangkap dan mengenal pasti apa yang anda telah baca?

Apa sahaja kedudukan kita berada sekarang, mari kita ambil masa untuk mencari Tuhan dalam doa. Minta Dia untuk

mengampuni dosa kita agar dosa itu tidak menghalang pekerjaan Roh Kudus dalam kita.

Berdoa secara khusus: Dosa kita mungkin ialah ketidakpercayaan, membenaran diri, sikap mengadili, keangkuhan atau fikiran yang najis (pornografi, ketagihan pada permainan internet dsb.). Ketika kita melakukannya dengan tulus dan jujur, Tuhan Yesus akan menyucikan kita daripada segala kejahatan. (lihat 1 Yohanes 1:9)

Ambil masa untuk melakukan ini. Jangan terburu-buru menjalani proses pengakuan dan pertaubatan kerana ini ialah satu bahagian yang kritikal dalam perjalanan 40-hari kita. Ia akan meningkatkan kepekaan kita untuk mendengar apa yang Roh Kudus sedang bicarakan kepada kita. Kita perlu disucikan dan dimurnikan sebelum Dia dapat menolong kita menjadi pemenang.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar gereja di Malaysia akan belajar untuk mentaati Firman Tuhan, dan kita akan memastikan diri bangun dan bukan tertidur, untuk bertaubat dan tidak keraskan hati dan agar kita rendahkan hati dan mencari penyembuhan untuk negara dan bangsa kita agar kita dapat mengalami lawatan dan kasih karunia Tuhan bila kita mencari dan mengasihi Dia dengan segenap hati kita, dengan segenap jiwa kita dan dengan segenap kekuatan kita. Kerana Yesus berkata, “Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengar!” (Matus 11:15)
- Berdoa untuk Kementerian di Jabatan Perdana Menteri di Bahagian Jabatan Hal-ehwal Agama supaya polisi Islam “Rahmah” (konsep belas kasihan kepada semua ciptaan) akan dilaksanakan dengan penuh hormat diberikan kepada semua pihak agama, kaum dan kumpulan suku bangsa dan Kementerian akan menolong membina satu masyarakat dengan satu tujuan yang sama ke arah mengasihi, bertoleransi dan kebebasan beragama serta menguatkan kebajikan sosial, kemakmuran dan kesatuan negara dalam cara yang aman dan penuh hormat.

# Hari ke 4-8

## Memperbaharui Kasih yang Pertama Kita

*(Wahyu 2:1-7)*

<sup>1</sup> *“Tuliskanlah kepada malaikat jemaat di Efesus: Inilah firman dari Dia, yang memegang ketujuh bintang itu di tangan kanan-Nya dan berjalan di antara ketujuh kaki dian emas itu.*

<sup>2</sup> *Aku tahu segala pekerjaanmu: baik jerih payahmu maupun ketekunanmu. Aku tahu, bahwa engkau tidak dapat sabar terhadap orang-orang jahat, bahwa engkau telah mencobai mereka yang menyebut dirinya rasul, tetapi yang sebenarnya tidak demikian, bahwa engkau telah mendapati mereka pendusta.*

<sup>3</sup> *Dan engkau tetap sabar dan menderita oleh karena nama-Ku; dan engkau tidak mengenal lelah.*

<sup>4</sup> *Namun demikian Aku mencela engkau, karena engkau telah meninggalkan kasihmu yang semula.*

<sup>5</sup> *Sebab itu ingatlah betapa dalamnya engkau telah jatuh! Bertobatlah dan lakukanlah lagi apa yang semula engkau lakukan. Jika tidak demikian, Aku akan datang kepadamu dan Aku akan mengambil kaki dianmu dari tempatnya, jikalau engkau tidak bertobat.*

<sup>6</sup> *Tetapi ini yang ada padamu, yaitu engkau membenci segala perbuatan pengikut-pengikut Nikolaus, yang juga Kubenci.*

<sup>7</sup> *Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat: Barangsiapa menang, dia akan Kuberi makan dari pohon kehidupan yang ada di Taman Firdaus Allah.”*

## Terang Kita Tetap Menyala

Imam Besar ada tanggungjawab untuk masuk ruang Kudus, dua kali sehari, untuk menggantung sumbu-sumbu, meletak minyak yang baharu dan menyingkirkan ketidakmurnian daripada kaki dian dari emas. Ini ialah suatu tindakan yang kerap dan bukan kadangkala. Ini adalah supaya terang tidak akan menjadi gelap, tidak berkedip dan tidak akan terpadam.

Inilah cara Tuhan bekerja setiap hari dalam hidup kita.

Tiada seorang pun yang dapat mengenal kita lebih baik daripada Yesus, dan Dia peduli SETIAP HARI untuk kita. Dia terus menerus “berjalan” dengan kita, bernafas ke dalam hidup kita. Mata-Nya senantiasa ke atas kita, ke atas Gereja-Nya. Dia tahu perbuatan kita, penderitaan kita, dan dosa kita, dan mata itu adalah ibarat nyalaan api, agar Dia melihat dengan suatu penerobosan, pengertian dan ketepatan di mana tiada

seorang pun yang dapat.

Mata kita tidak terang dan dikaburi dengan budaya yang ada di sekitar kita manakala mata Tuhan ialah nyalaan api, melihat kita dalam keadaan yang sesungguhnya.

Jadi hari ini kita berdoa, “Tuhan, Imam Besar kami, datanglah kepada kami, kepada Gereja di negara kami dan aturkan terang kami. Lawatlah kami dengan api-Mu dan jadikanlah kami nyalaan api sekali lagi dalam kesucian dan kekuasaan. Tuhan, singkirkan semua yang tidak murni, pertunjukkan diri, kompromi, keketekan, kesombongan dan perpecahan. Selidikilah kami dan sucikan kami. Letak minyak yang baharu yang berkelimpahan ke atas kami. Jadikanlah kami untuk menyala lebih terang bagi Engkau, untuk kemuliaan dan penghormatan-Mu. Amen.”

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar Tuhan menyalakan api penginjilan di dalam hati umat-Nya, Gereja di Malaysia, dan kita akan memupuk satu gaya hidup penginjilan, dengan kasih dan kehairahan untuk berkongsi tentang Kristus kepada dunia yang belum percaya. Berdoa juga untuk pemeraksanaan oleh Roh Kudus untuk menjadi saksi Kristus dan pencerahan kepada yang mendengar Berita Baik.
- Berdoa untuk Parlimen dan Jabatan Hal-ehwal Undang-undang di Jabatan Perdana Menteri agar apabila jabatan hal-ehwal undang-undang ini mengerjakan hal meminda undang-undang semasa kita, mereka akan ada penilaian yang menyeluruh ke atas pelaksanaan dan penguatkuasaan supaya apa pun yang didrafkan, dipinda atau dihapuskan akan adil dan saksama.

## Selidiki Api Kita

Ada tiga perkara yang dicari dan diketengahkan oleh mata-Nya berapi-Nya.

Satu: Apa yang mengurangkan api kita, tanpa melupakan perbuatan kita, usaha kita, kesabaran kita, atau bagaimana kita tidak dapat menanggung kepalsuan. “Namun demikian, Aku mencelamu kerana SATU PERKARA” (Terjemahan AVB) Dia melihat kedua-dua apa yang benar dan yang salah, yang kita terlepas pandang atau abaikan – Kasih-Nya menegaskan dan membetulkan.

Di Wahyu 3:19 Dia mengatakan (parafrasa saya), “Saya terus-menerus mendisiplinkan, mendorong, dan memperbetulkan semua orang yang Aku kasihi; jadi saya harus mendisiplinkan anda melainkan anda berbalik daripada sikap tidak peduli anda dan menjadi bersemangat tentang hal-hal Tuhan. Jadi buatlah keputusan anda untuk berpaling daripada dosa anda agar anda dapat hidup dengan yang terbaik.

Adalah perlu bagi kita untuk membuat kajian mengenai kompromi kita lebih daripada kualiti baik dan pencapaian hebat kita. Kita sudah kerja dengan gigihnya membina bangunan yang besar, gereja dan organisasi yang lebih besar, penanaman gereja dengan lebih banyaknya. Kita sudah

memberi berjuta-juta dengan murah hati kepada misi dan golongan yang miskin. Kita ada semangat yang besar, kehairahan, dedikasi dan pengorbanan; dan bertahan mengharungi lembah dan gunung dalam hidup dan pelayanan.

Kita telah mengejar visi dan misi dengan iman yang tekun dan berani. Setelah memberi tangan untuk membajak kita tidak menoleh ke belakang, tetapi telah terus-menerus maju ke depan dengan teguh dan tetap setia kepada Tuhan. Akan tetapi, wahai teman-teman. Semuanya adalah oleh sebab kasih karunia Tuhan saja. Semua ini, Tuhan akui.

Malangnya, seperti jemaat di Efesus, ramai antara kita sudah melupakan kasih yang pertama kita semasa kita terjun ke dalam semua pekerjaan yang hebat. Bahayanya ialah semuanya akan berterusan seperti mana sekarang sementara api kasih yang pertama kita mula berkedip-kedip dengan bahayanya ditiup angin daripada segala kesibukan aktiviti kita.

Kristus memanggil kita untuk menyelidiki keadaan api itu hari ini.

### Doa Hari Ini:

- Beri kesyukuran kepada Tuhan untuk pembedaan dari Dia ke atas hidup kita dan gereja kerana niat-Nya ialah selalu untuk kebaikan kita sendiri dan untuk membawa kita kembali kepada kebenaran dan terang-Nya. Berdoa agar kita memiliki kerendahan hati untuk menyelidiki diri hari ini dan memberi respons kepada Tuhan dalam pertaubatan di bahagian yang kita sudah kehilangan kemuliaan-Nya.
- Berdoa untuk Suruhanjaya Pilihan Raya yang akan memastikan dan menjalankan operasi yang adil dan cekap dalam Pilihan Raya Umum Malaysia yang seterusnya tanpa sebarang penipuan atau manipulasi buatan manusia.

## Pertimbangkan Betapa Jauh Kita Sudah “Jatuh”

Perkara yang kedua untuk diperhatikan ialah Dia memanggil kita untuk mempertimbangkan, atau dengan sederhana, untuk diingat. Kita tidak boleh mengingati kasih kita yang pertama sebagai sesuatu memori nostalgia tetapi seharusnya kita perlu ingat atau mempertimbangkan dan membandingkan betapa jauhnya kita sudah “jatuh” iaitu keadaan kita sekarang. Ini mengizinkan mata-Nya yang berapi-api untuk memeriksa hati kita.

Semasa kita mula-mula datang kepada Yesus, semangat dan keghairahan kita panas. Tidak ada yang dapat menghalang kita pergi ke gereja, menghadiri persekutuan doa, memberi secara berkorban, membaca Alkitab, mendengar khutbah dan memberitahu orang lain tentang Dia. Kita belum dapat puas melakukan semua ini. Tidak ada yang terlalu sukar untuk dilakukan bagi Dia.

Kemudian, sebagaimana dengan Perumpamaan Penabur (Markus 4) menghuraikan – kekhawatiran kehidupan, penipuan kekayaan dan keinginan untuk perkara yang lain datang dan mula mencekik keghairahan itu. Mungkin juga kita menjadi sangat sibuk dan asyik dengan pekerjaan Tuhan sehingga kita lupa dan mula meninggalkan kasih yang pertama kita bagi Tuhan yang empunya pekerjaan. Apakah yang kita boleh lakukan untuk menghentikan ini?

Kita harus ingat bagaimana dengan kita semasa kita mula-mula mengasihi Dia agar kita dapat bertaubat dan kembali kepada kasih yang pertama kita. Tangisan hati kita haruslah, “Yang saya rindukan ialah lebih lagi Engkau, Yesus. Tidak ada yang setara dengan Engkau. Tiada yang dapat memuaskan saya seperti Engkau. Tiada yang lebih berharga daripada Engkau.”

### Doa Hari Ini:

- Berdoa untuk gereja dan orang percaya, di mana yang sudah meninggalkan kasih yang pertama akan merendahkan hati untuk mengakui bahawa kita sudah hilang kemuliaan-Nya dan inilah masanya untuk kita berbalik kepada kasih yang pertama-Nya, dan melakukan pekerjaan yang mula-mula kita dipanggil untuk lakukan dengan keberdayaan dari Roh Kudus dengan penuh semangat dan keghairahan.
- Berdoa untuk Parlimen Malaysia, badan perundangan muktamad yang dibentuk oleh Dewan Negara dan Dewan Rakyat, agar mereka akan mengambil langkah-langkah pencegahan yang ekstrem dalam isu meluluskan, meminda dan memansuhkan tindakan undang-undang sebelum mengemukakan kepada Yang di-Pertuan Agong, di mana apa pun undang-undang yang diluluskan selepas perdebatan dan dilanjutkan kelulusan oleh Agong akan menjadi sesuai untuk membawa kemajuan yang lebih besar dalam masyarakat secara keseluruhannya.

## Kembali Kepada Kasih Yang Pertama Kita

Perkara yang ketiga untuk diperhatikan ialah Dia memberi amaran – Yesus memanggil kita untuk bertaubat dan kembali kepada kasih yang pertama kita.

Pengajaran kasih karunia hari ini dapat membatasi kompromi dan antinomianisme (anti-Undang-undang). Ia mengakibatkan ramai orang hidup terlalu santai dan tanpa keyakinan yang jelas tentang permintaan daripada Tuhan yang Kudus yang mengasihi dengan dalamnya. Yesus memberi amaran kepada kita, “Jika tidak demikian, Aku akan datang kepadamu dan Aku akan mengambil kaki dianmu dari tempatnya, jikalau engkau tidak bertobat.”(Wahyu 2:5b)

Hari ini keinginan kita untuk keselesaan menuntut khutbah yang lebih singkat, khutbah yang tidak menyelidiki kehidupan batin kita. Kita tidak mahu akauntabiliti. Kita mencintai gelaran dan kemasyhuran. Apabila kita tidak suka apa yang diberitahu kepada kita, kita pindah ke gereja yang lain.

Kita sudah menjadi orang yang menilai pelayanan pujian dan penyembahan gereja dan khutbah. Ibu bapa asyik menurunkan standard komitmen kepada Tuhan untuk anak-anak mereka sementara budaya yang ada di sekitar kita meresap ke dalam pola fikiran dan sudut pandangan dunia mereka. Pernikahan sudah hilang ertinya dalam suatu budaya “diri yang didahulukan”. Senarai ini berterusan.

Terdapat satu kebuluran untuk Firman Tuhan dan untuk suara nubuat. Kita sudah jatuh jauh dari kasih yang pertama kita – suatu kasih yang menghormati bukan sahaja Tuhan yang mengasihi dan yang menyelamatkan, tetapi juga Tuhan yang kudus dan adil. Ketika kaki dian kita sudah tiada, maka begitu juga terang yang menyinari dalam suatu budaya yang gelap dan dunia yang sama gelapnya.

Kita bertaubat dan kembali agar kita dapat membakar dengan terangnya untuk kemuliaan dan penghormatan-Nya.

### Doa Hari Ini:

- Mintalah Tuhan untuk mengampuni kita jika kita sudah tidak peduli tentang hal-hal dan suara Tuhan. Berdoa untuk telinga rohani kita menjadi peka dan terbuka kepada mendengar kata-kata nubuat-Nya, kebuluran Firman Tuhan akan tamat dan kita dapat menikmati memenuhi diri dalam hadirat-Nya dan mencari Dia dengan segenap hati kita.
- Berdoa untuk Kementerian Kewangan agar apa pun undang-undang dan peraturan kewangan yang digubal di bawah kementerian ini adalah sesuai untuk pertumbuhan kewangan dan ekonomi negara secara umumnya, dan fiskal Bajet Persekutuan Malaysia yang disediakan akan memberi manfaat kepada semua pemegang kepentingan.

## Bersinar dalam Kegelapan

Kita mesti mendengar apa yang dibicarakan oleh Roh dan harus tetap ada kekuatan kasih kita untuk Tuhan.

Bahayanya ialah kita mengubah kasih kita kepada Yesus menjadi sebuah tugas dan bukannya suatu kegembiraan.

Kasih yang pertama kita ialah pengabdian kita terhadap Yesus. Ia ialah suatu pengabdian yang sungguh-sungguh, peribadi dan tidak ada halangannya.

Kita kehilangannya apabila kita mengambil Dia, Firman-Nya, kasih-Nya dan kekudusan-Nya sewenang-wenangnya; apabila kita cuai dalam cara hidup kita. Apabila iman menjadi suatu rutin, kita melayani Dia tanpa memuja-Nya.

Pekerjaan kita bukanlah pengganti untuk kasih; tidak ada kemurnian untuk ghairah. Kita harus ada kedua-duanya. Hanya ketika kita mengasihi Kristus dengan sungguh-sungguh, kita dapat melayani Dia dengan setia.

Jika kita tidak ingat, bertaubat dan kembali, maka amaran yang Dia berikan mengenai mengambil kaki dian kita adalah satu realiti yang menakutkan. Sejarah mengajar kita bahawa apabila orang percaya dan gereja hilang kasih yang pertama mereka, mereka hilang keberkesanan, pengaruh dan mungkin kewujudan mereka. Ini berlaku kepada gereja di Efesus. Tidak ada gereja di Efesus hari ini. Turki, tempat ketujuh-tujuh gereja ini berada suatu ketika dulu, lebih daripada 98% ialah umat Muslim pada hari ini.

Apa yang benar bagi Turki juga adalah benar di tempat yang lain. Gereja yang tidak terhitung jumlahnya menghilang setiap tahun. Banyak kaki dian telah diambil. Ini serius – tiada kasih, tiada terang! Gereja yang hilang kasih akan segera hilang terangnya, tidak kira betapa besar Ibadah Raya Ahad kita, betapa hebatnya pentas dan penyembahan kelihatan atau betapa kuat kita secara doktrin.

Mari kita kembali kepada kasih yang pertama kita dan membiarkannya bersinar di tengah-tengah kegelapan.

### Doa Hari Ini:

- Berdoalah agar ketika Tuhan menyelidiki fikiran dan hati kita dan memberi setiap kita sesuai dengan pekerjaan kita, izinkan hidup kita, doa, buah yang kita hasilkan, kerja yang kita lakukan, adalah sebagai haruman yang berkenan kepada Tuhan agar kita diberkati dengan kewibawaan bila kita melayani negara kita.
- Berdoa untuk Kementerian Belia dan Sukan agar ia akan menjalin satu hubungan yang lebih kuat dengan entiti yang lain untuk mempromosikan pembangunan dan pengayaan belia melalui latihan dan pendidikan sukan, dan membolehkan jenayah lampau atau kesalahan untuk dilatih semula kemahiran dan meningkatkan kemahiran agar mereka dapat mengatasi permintaan dalam industri mereka.



# Hari ke 9-13

## Pemulihan Orang yang Setia

(Wahyu 2:8-11)

<sup>8</sup> “Dan tuliskanlah kepada malaikat jemaat di Smirna: Inilah firman dari Yang Awal dan Yang Akhir, yang telah mati dan hidup kembali:

<sup>9</sup> Aku tahu kesusahanmu dan kemiskinanmu--namun engkau kaya--dan fitnah mereka, yang menyebut dirinya orang Yahudi, tetapi yang sebenarnya tidak demikian: sebaliknya mereka adalah jemaah Iblis.

<sup>10</sup> Jangan takut terhadap apa yang harus engkau derita! Sesungguhnya Iblis akan melemparkan beberapa orang dari antaramu ke dalam penjara supaya kamu dicobai dan kamu akan beroleh kesusahan selama sepuluh hari. Hendaklah engkau setia sampai mati, dan Aku akan mengaruniakan kepadamu mahkota kehidupan.

<sup>11</sup> Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat: Barangsiapa menang, ia tidak akan menderita apa-apa oleh kematian yang kedua.”

## Yesus, yang Abadi dan Dibangkit

*Wahyu 2:8 “Dan tuliskanlah kepada malaikat jemaat di Smirna: Inilah firman dari Yang Awal dan Yang Akhir, yang telah mati dan hidup kembali”*

Jemaat di Smirna merupakan salah satu daripada hanya dua gereja antara tujuh buah gereja di mana Yesus tidak ada kritikan ke atasnya. Sementara banyak gereja yang lain telah melakukan kompromi, namun jemaat di Smirna kekal sebagai orang percaya yang setia. Mereka teguh dalam pengabdian mereka walaupun di bawah ancaman penganiayaan yang sengit.

Surat kepada mereka (Wahyu 2:8-11) bermula dengan memberitahu mereka dua perkara mengenai Kristus. Pertama, bahawa Dia “dari Yang Awal dan Yang Akhir,” dan yang kedua, Dia “telah mati dan hidup kembali.” Yang pertama menunjukkan kepada sifat abadi Kristus – Dia melampaui masa. Yang kedua menunjukkan tentang kuasa kebangkitan Kristus – Dia telah mengatasi maut. Masa dan maut berada di bawah kendali penuh-Nya.

“Bilakah penderitaan kita akan berakhir?” Berapa lama lagi, ya Tuhan? Adakah ini akan mengorbankan nyawa kita?” seseorang Kristian Smirna mungkin bertanya. Di sini Kristus mengingatkan mereka: Aku adalah abadi dan Aku telah bangkit. Ini sudah cukup.

Markus bab 13 hingga 16 mencatat hari-hari terakhir di bumi dan perjalanan-Nya ke salib. Yang Abadi memasuki waktu dan merasakan kematian bagi kita. Apabila kita melihat salib, kita lihat bukti kesetiaan-Nya kepada kita. Apabila kita lihat kebangkitan-Nya, pemulihan yang terakhir, kita tahu bahawa pada waktu-Nya, umat yang setia akan dipulihkan.

Yesus adalah Abadi. Yesus sudah bangkit. Yesus setia. Pada Dialah kita menaruh pengharapan kita.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar Tuhan akan menghapuskan sebarang ketakutan gereja yang berkaitan dengan penolakan atau penganiayaan, dan memberi daya kepada gereja-Nya dengan keberanian dan kekuatan untuk melakukan hal-hal yang benar, dan untuk hidup berkenan kepada Dia dan mentaati Firman-Nya dalam segala keadaan.
- Berdoa untuk Kementerian Pertahanan, agar kedua-dua penjawat awam dan Angkatan Tentera Malaysia akan disusun dengan baik dan diperkuat untuk mempertahankan negara kita, dan di bawah pengawalannya, sistem pemerolehan senjata akan berjalan dengan baik setiap kali dengan penilaian dan pertunjukan yang teliti dilaksanakan untuk memastikan bajet dibelanjakan dengan baik.

## Yesus Tahu

*Wahyu 2:9 Aku tahu kesusahanmu dan kemiskinanmu--namun engkau kaya--dan fitnah mereka, yang menyebut dirinya orang Yahudi, tetapi yang sebenarnya tidak demikian: sebaliknya mereka adalah jemaah Iblis.*

Untuk menghadapi satu cabaran pada satu masa kadang-kadang boleh menjadi lebih daripada cukup. Jemaat di Smirna tidak memiliki kemewahan itu. Mereka menghadapi pelbagai cabaran daripada semua sudut pada masa yang sama. Kita lihat tiga cabaran yang dinyatakan di ayat 9: kesusahan, kemiskinan dan fitnah.

**Kesusahan** – Kehidupan semakin sukar untuk mereka kerana mereka dianiaya oleh pihak berkuasa yang memerintah iaitu Empayar Romawi. Mereka enggan membakar dupa dan mengaku “Kaisar adalah Tuhan,” oleh itu mereka dianiaya. **Kemiskinan** – Tidak disukai oleh pihak yang berkuasa bermaksud kehilangan jaminan ekonomi. Barangan mereka mungkin dirampas, perniagaan mereka ditutup, rumah mereka diserbu. **Fitnah** – Orang Yahudi di rantau itu mendapat belas kasihan daripada Roma dan

ini dapat memberi kelegaan kepada mereka. Namun mereka memilih untuk tidak dan memfitnah mereka sebagai gantinya.

Di tengah-tengah masa inilah Kristus berkata kepada mereka, “Aku tahu...” Semasa kita menderita, sering kali kita rasa keseorangan dalam keadaan itu. Tetapi di sini Yesus meyakinkan kita bahawa Dia tahu. Dia sungguh-sungguh tahu. Bermula sejak hari kelahiran-Nya, Yesus menghadapi ujian, pencubaan dan tentangan dari setiap sisi. Akan tetapi, tidak seperti kita, yang sentiasa gagal – Dia mengatasi semuanya. Tambahan pula, selagi kita tetap dalam Kristus, kita juga, akan mengatasinya. Yesus tahu. Kesimpulan, dalam mengenal akan Dia dengan lebih lagi kita akan menemukan kekuatan dan keberanian untuk menghadapi hari-hari depan, apa pun yang mungkin akan datang.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar gereja dan umat Kristian di seluruh Malaysia akan diperlengkap dalam Roh dan Kebenaran agar kita tidak jahil akan segala macam ancaman dan kuasa yang kita didedahkan atau mendedahkan diri dan bahkan cabaran yang lebih besar yang akan datang.
- Berdoalah untuk Kementerian Pengangkutan agar dapat melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik iaitu penggubalan dan pelaksanaan dasar pengangkutan darat, udara dan laut, untuk memastikan keselamatan dan keberkesanan sistem pengangkutan bagi masyarakat umum dan kecekapan perkhidmatan pengangkutan awam dapat diperbaiki dan ditingkatkan.

## Jangan Takut

*Wahyu 2:10 Jangan takut terhadap apa yang harus engkau derita! Sesungguhnya Iblis akan melemparkan beberapa orang dari antaramu ke dalam penjara supaya kamu dicobai dan kamu akan beroleh kesusahan selama sepuluh hari. Hendaklah engkau setia sampai mati, dan Aku akan mengaruniakan kepadamu mahkota kehidupan.*

Penjara dan kematian. Dua perkara yang paling teruk yang dihadapi oleh manusia dalam hayat hidupnya. Yesus tahu ini dan mempersiapkan gereja-Nya. Dia menangani dengan dua perintah-Nya sendiri: Pertama “Jangan takut” dan kedua “Hendaklah engkau setia.” Mari kita lihat yang pertama pada hari ini.

Jangan takut. Dikenali sebagai perintah paling kerap diulang di seluruh Alkitab. Hati yang takut ialah satu tempat di mana iman mula kering dan mati.

Maka Yesus memberitahu mereka: Penderitaan akan datang, malah juga dipenjarakan. Dia tidak kata bahawa Dia akan menghentikannya. Akan tetapi Dia menyatakan kepada mereka bahawa ini

satu ujian. Di samping itu, setiap ujian ada tujuannya: sama ada untuk meneguhkan, memeriksa, mengukur dsb. Jadi suatu “ujian” bermaksud ini: penderitaan itu bukan tiada ertinya, ada tujuannya – suatu tujuan penebusan yang baik.

Adakah ini mungkin? Penderitaan untuk melahirkan sukacita? Kejahatan untuk mendatangkan kebaikan? Seseorang hanya perlu melihat Salib untuk mendapat jawapan untuk itu. Kita lihat penderitaan yang terbesar yang pernah dialami oleh seorang manusia melahirkan kebaikan yang terbesar untuk umat manusia. Penderitaan-Nya membuka jalan untuk menyelamatkan kita. Jangan takut kerana ada pengharapan dan maksud dalam semua yang kita derita demi Dia.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar gereja dan umat Kristian di Malaysia akan melihat kesempatan di tengah-tengah krisis, bahaya, ancaman, penderitaan atau kesusahan, dan kita akan terus tekun melatih diri dalam kesalehan dan kebenaran, sentiasa siap sedia pada segala waktu untuk memberi pertanggungan jawab tentang pengharapan yang ada pada kita, dan berdiri teguh atas keyakinan kita dan tidak menyerah kepada mana-mana kuasa atau tekanan.
- Berdoa untuk Kementerian Luar Negeri agar dapat memenuhi misinya apabila ia menggubal dan melaksanakan polisi luar negeri yang menolong untuk memajukan dan melindungi kepentingan negara dengan menguatkan hubungan dua hala, pelbagai hala dan ASEAN dengan negara-negara yang berkaitan.

## Setia Sampai Mati

*Wahyu 2:10b “Hendaklah engkau setia sampai mati, dan Aku akan mengaruniakan kepadamu mahkota kehidupan.”*

*12:4 Aku berkata kepadamu, hai sahabat-sahabat-Ku, janganlah kamu takut terhadap mereka yang dapat membunuh tubuh dan kemudian tidak dapat berbuat apa-apa lagi.*

Untuk menjadi seorang Kristian di Smirna bererti anda harus bersiap sedia untuk menghadapi apa pun jua – termasuk maut. Anda boleh kehilangan keselesaan anda (daripada kesusahan), kewangan anda (daripada kemiskinan), dan nama baik anda (daripada fitnah), kebebasan anda (daripada dipenjarakan). Akhirnya, anda boleh kehilangan nyawa anda.

Apakah yang Yesus katakan kepada jemaat di Smirna dalam menghadapi semua ini? Jika Yesus memberitahu mereka untuk melarikan diri dari Smirna dan berhijrah ke tempat yang kurang musuh dan selesa, mungkin ini masuk akal. Namun, Yesus berkata kepada mereka, “Hendaklah engkau setia.” Dan mereka setia atas panggilan mereka – garam dan terang di Smirna, tempat orang pagan dan tidak dapat

diterima. Mereka memilih untuk menjadi saksi untuk Kristus walaupun mereka perlu mengorbankan segala-galanya.

Ini sebabnya: kerana Tuhan peduli Smirna. Tuhan peduli orang di sana. Dia telah menempatkan gereja di sana sebagai sebahagian daripada rancangan ilahi-Nya.

Dibawa ke depan hari ini: Tuhan pedulikan Malaysia. Tuhan pedulikan rakyat di sini. Dan Dia telah meletak anda dan saya di sini sebagai sebahagian daripada rancangan ilahi-Nya. Kita ialah gereja Malaysia. Semoga kita setia dalam semua yang Dia panggil kita – walaupun kita akan membayar harganya, khususnya, mengorbankan segala-galanya. Yesus adalah berbaloi.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar gereja dan orang percaya dalam Kristus akan sedar peranan unik kita dalam rancangan ilahi-Nya ke atas negara dan bangsa kita, dan kita akan setia dalam panggilan kita, dan sudi kehilangan segala-galanya demi Kristus dan Injil.
- Berdoa untuk Kementerian dalam Jabatan Perdana Menteri dalam hal-ehwal Sabah dan Sarawak agar ia akan berfungsi sebagai ejen yang berkesan untuk memulihkan sebarang hubungan dan kepercayaan yang telah rosak di antara Kerajaan Persekutuan dan rakyat Malaysia Timur dan ia akan menguatkan kerjasama antara kedua-dua pihak supaya semuanya akan ada kesatuan yang lebih besar dalam tujuan dan visi untuk negara secara keseluruhannya.

## Pemulihan yang Terakhir

*Wahyu 2:11 “Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat: Barangsiapa menang, ia tidak akan menderita apa-apa oleh kematian yang kedua.”*

*Lukas 21:19 “Kalau kamu tetap bertahan, kamu akan memperoleh hidupmu.”*

Dorongan terakhir Kristus kepada gereja Smirna ialah sebuah janji. Sebuah janji bahawa kematian kedua, kutukan abadi selepas kematian fizikal, tidak akan menyebabkan mereka sakit atau menderita apa pun. Kenapakah ini penting? Ini kerana ia menolong mereka untuk mengarahkan fikiran mereka pada yang kekal dan tidak dapat binasa – pada perkara-perkara di atas dan bukan dari bumi ini.

Sejarah Gereja memberitahu kita uskup yang pertama di Smirna. Dia seorang yang bernama Polycarp (sekitar 69M ke 156 M). Dalam usia tuanya, dia ditangkap dan dihukum mati kerana imannya. Semasa hukuman matinya, dia diberi sebuah peluang untuk mengaku kesalahannya. Yang diperlukan hanyalah bagi dia untuk mengaku, “Kaisar ialah Tuhan,” dan membakar dupa kepada patung Kaisar. Uskup tidak akan memilih mana-mana. Dia menjawab, “Lapan puluh enam tahun saya melayani Kristus, dan Dia tidak

pernah melakukan salah terhadap saya. Bagaimanakah saya dapat menghujat Raja saya yang telah menyelamatkan saya?” Dia dibunuh dan mati syahid.

Yesus tidak pernah menyembunyikan apa yang diperlukan untuk menjadi setia kepada-Nya. Malah Dia berjanji kepada murid-murid-Nya bahawa yang tetap bertahan akan memperoleh hidup mereka (Lukas 21:19). Oleh itu, orang percaya boleh bersemangat bahawa musuh yang paling berkuasa iaitu kematian telah dikalahkan oleh Kristus. Kemenangan telah tercapai. Akhirnya orang yang setia akan dipulihkan. Akhirnya, yang telah mati dalam Kristus akan bangkit dan maut akan ditelan dalam kemenangan dan orang-orang kudus akan memerintah bersama Dia untuk selama-lamanya.

Sederhananya, pada akhirnya, kita menang.

### Doa Hari Ini:

- Dalam Kristus kita lebih daripada pemenang dan kematian kedua tidak ada kuasa ke atas kita. Berdoa agar kita yakin siapa diri kita sebagai anak-anak Tuhan, hidup dalam perspektif eskatologi dan kekekalan dan kita akan berdiri teguh sampai akhirnya, memenangkan jiwa ketika kita memperjuangkan berita Injil.
- Berdoa untuk sektor media seperti televisyen, radio, surat khabar dan semua jenis media berunsurkan media menjadi saluran yang menyalurkan dan memaklumkan fakta dan kebenaran dan bukan berita palsu atau pandangan yang berat sebelah, dan untuk para wartawan dan orang awam mempunyai pengertian yang baik dan rasa keadilan dan kebenaran semasa mereka membuat komen secara umum.

# Hari ke 14-18

## Pedang Bermata Dua yang Tajam

*(Wahyu 2:12-17)*

*<sup>12</sup> “Dan tuliskanlah kepada malaikat jemaat di Pergamus: Inilah firman Dia, yang memakai pedang yang tajam dan bermata dua:*

*<sup>13</sup> Aku tahu di mana engkau diam, yaitu di sana, di tempat takhta Iblis; dan engkau berpegang kepada nama-Ku, dan engkau tidak menyangkal imanmu kepada-Ku, juga tidak pada zaman Antipas, saksi-Ku, yang setia kepada-Ku, yang dibunuh di hadapan kamu, di mana Iblis diam.*

*<sup>14</sup> Tetapi Aku mempunyai beberapa keberatan terhadap engkau: di antaramu ada beberapa orang yang menganut ajaran Bileam, yang memberi nasihat kepada Balak untuk menyesatkan orang Israel, supaya mereka makan persembahan berhala dan berbuat zinah.*

*<sup>15</sup> Demikian juga ada padamu orang-orang yang berpegang kepada ajaran pengikut Nikolaus.*

*<sup>16</sup> Sebab itu bertobatlah! Jika tidak demikian, Aku akan segera datang kepadamu dan Aku akan memerangi mereka dengan pedang yang di mulut-Ku ini.*

*<sup>17</sup> Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat: Barangsiapa menang, kepadanya akan Kuberikan dari manna yang tersembunyi; dan Aku akan mengaruniakan kepadanya batu putih, yang di atasnya tertulis nama baru, yang tidak diketahui oleh siapapun, selain oleh yang menerimanya.”*

## Pedang Bermata Dua yang Tajam

*Wahyu 2:12 “Dan tuliskanlah kepada malaikat jemaat di Pergamus: Inilah firman Dia, yang memakai pedang yang tajam dan bermata dua*

*Yohanes 1:1, 14 Pada mulanya adalah Firman; Firman itu bersama-sama dengan Allah dan Firman itu adalah Allah... Firman itu telah menjadi manusia, dan diam di antara kita,*

Pada mulanya, Yesus adalah Firman yang telah menjadi manusia. Dalam kitab Wahyu, Yesus dihuraikan sebagai yang memiliki pedang yang tajam dan bermata dua. Pedang itu ialah Firman Tuhan (Efesus 6:17).

Pergamus ialah sebuah pusat yang kuat untuk paganisme dan kejahatan, penyembahan berhala dan kehidupan yang tidak bermoral berleluasa di kota ini. Oleh itu, orang Kristian di sana mempunyai banyak untuk diatasi. Perkataan karakteristik yang Yesus guna, “pedang yang tajam dan bermata dua,”berbicara tentang isu-isu di gereja yang perlu ditangani dengan pedang dari mulut-Nya.

Seperti orang Kristian di Pergamus, anda mungkin ke gereja dengan kerapnya. Akan tetapi, adakah pengaruh daripada dunia di sekitar anda memberi kesan ke

atas kehidupan Kristian anda? Adakah anda mendapati diri tidak menempatkan Tuhan dalam pusat hidup anda? Ambillah masa untuk merenungkan kehidupan Kristian anda hari ini.

Ibrani 4: 12 Sebab firman Allah hidup dan kuat dan lebih tajam dari pada pedang bermata dua manapun; ia menusuk amat dalam sampai memisahkan jiwa dan roh, sendi-sendi dan sumsum; ia sanggup membedakan pertimbangan dan pikiran hati kita.

Adakah anda mempunyai apa-apa isu dalam hidup yang perlu ditangani oleh Firman Tuhan? Izinkan Firman Tuhan menembusi dengan dalamnya seperti pedang yang tajam menerobos semua pertahanan dan tipu daya anda dan biarkan semua perkara dalam hidup anda terbuka di hadapan-Nya.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar kita memenuhi diri kita dalam Firman Tuhan setiap hari, mengizinkan Firman-Nya untuk mendedahkan setiap dosa dalam hidup kita, mengubah kita dan menangani isu-isu di mana kita terbuka di hadapan-Nya pada masa renungan peribadi kita.
- Berdoa agar Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri Malaysia akan membuat Malaysia sebagai sebuah destinasi pilihan untuk pelaburan dan juga salah sebuah negara perdagangan yang kompetitif secara global dengan menarik pelaburan yang berkualiti, menghasilkan barangan dan perkhidmatan yang bernilai tambah tinggi dan meningkatkan status kita dalam persaingan global perdagangan.



## Tetap Setia demi Nama-Nya

*Wahyu 2:13 “Aku tahu di mana engkau diam, yaitu di sana, di tempat takhta Iblis; dan engkau berpegang kepada nama-Ku, dan engkau tidak menyangkal imanmu kepada-Ku, juga tidak pada zaman Antipas, saksi-Ku, yang setia kepada-Ku, yang dibunuh di hadapan kamu, di mana Iblis diam.”*

Yesus mempunyai satu pujian kepada jemaat di Pergamus. Walaupun realitanya gereja itu terletak di tengah-tengah sebuah kota di mana Setan tinggal, Yesus memuji gereja ini kerana memberi kesaksian bagi Tuhan.

Yesus tahu perbuatan mereka. Jemaat tetap setia pada nama-Nya dan tidak menyangkal iman-Nya walaupun mereka menghadapi penganiayaan.

Yesus bercakap tentang salah seorang mereka yang mati syahid, Antipas, di mana namanya tepat menggambarkan kepercayaannya. Anti (bermaksud ‘melawan’) dan pas (bererti ‘semua’) – Antipas berdiri teguh menentang semua yang menganiaya dia.

Hari ini, sebagai orang percaya, kita hidup pada zaman di mana ramai orang

berpaling daripada Tuhan dan berpaling kepada semua yang ada dalam dunia ini – keinginan daging dan mata, dan kesombongan hidup.

Sebagai seorang Kritian, adakah anda mempunyai sebuah kesaksian untuk berkongsi tentang Yesus di kalangan ahli keluarga anda, di tempat kerja anda dan dalam masyarakat anda? Adakah anda sekadar Kristian hari Ahad atau adakah anda mampu mengasingkan diri daripada cara dunia tujuh hari seminggu?

Yesus sedang mencari murid-murid yang berpegang teguh pada nama-Nya tidak kira apa pun yang berlaku di sekitar kita. Ingat, seorang yang menafikan imannya adalah lebih teruk daripada seorang yang belum percaya (1 Timotius 5:8).

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar Roh Kudus akan memenuhi anda dengan segera hari ini, membolehkan anda untuk tetap setia pada nama-Nya. Jangan izinkan iman anda dilemahkan oleh godaan yang disajikan oleh dunia kepada anda setiap hari.
- Berdoa untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-ehwal Pengguna agar mereka akan mempraktikkan integriti dalam pengawalan barangan dan harga dalam pasaran tempatan dalam mempertimbangkan dan melindungi hak pengguna.

## Gaya Hidup yang Berkompromi

*Wahyu 12:14 Tetapi Aku mempunyai beberapa keberatan terhadap engkau: di antaramu ada beberapa orang yang menganut ajaran Bileam, yang memberi nasihat kepada Balak untuk menyesatkan orang Israel, supaya mereka makan persembahan berhala dan berbuat zinah.*

Yesus berkata bahawa Dia mempunyai beberapa perkara yang menentang jemaat di Pergamus. Perkataan beberapa atau “oglios” memberi maksud hal-hal itu adalah kecil dalam jumlahnya. Namun, walaupun ada pujian yang bersinar-sinar daripada Yesus untuk jemaat di situ, Yesus sudah tahu mereka telah berkompromi dengan kepercayaan dan kelakuan mereka dengan mengizinkan kepercayaan dan kelakuan pagan untuk meresap ke dalam gereja dan hidup mereka. Taktik Setan ialah untuk menebuk lubang-lubang kecil ke dalam doktrin gereja, lubang yang kecil sehingga mereka mungkin tidak sedar sama sekali.

Bileam mengizinkan kompromi dalam hidupnya. Di depan umum, dia memberitahu semua orang bahawa dia tidak boleh melampaui Firman Tuhan atau melakukan kurang atau lebih. Namun, secara peribadi,

dia sangat ingin bertemu Balak dan mendapatkan emas dan perak yang dia cela di depan umum. Ia mengambil seekor keldai untuk membuka matanya untuk memberitahu dia seorang yang bodoh.

Kompromi bererti penerimaan yang bijaksana atas standard yang lebih rendah dari yang diharapkan. Apa pun yang kita lakukan yang berada kurang daripada standard Tuhan itulah kompromi. Fikirkanlah tentang kelakuan dan gaya hidup anda sebagai sebuah kapal selam di bawah laut. Kompromi ialah seperti beberapa lubang yang muncul di lambung kapal selam, tidak dapat dilihat pada mulanya, tetapi jika tidak menanganinya dari masa ke masa, akhirnya ia akan mengakibatkan lambung itu akan hancur akibat daripada tekanan yang tinggi laut dalam.

### Doa Hari Ini:

- Doakan untuk diri anda menyerahkan setiap aspek hidup anda kepada Yesus. Bahagian hidup anda di mana anda sudah menurunkan standard Kristian anda dan mengizinkan kompromi untuk masuk, akuilah semua itu di depan Tuhan dan minta kasih karunia-Nya untuk menolong anda serahkan semula hidup anda kepada Dia.
- Berdoa untuk Polis Diraja Malaysia (PDRM) di Bukit Aman di bawah Ketua Polis Negara (IGP) agar pasukan penguat kuasa polis akan membantu mengekalkan keselamatan dan kemakmuran negara melalui profesionalisme dan perkhidmatan yang berkualiti.

## Apabila Perbuatan Menjadi Doktrin

*Wahyu 2:15 -16 Demikian juga ada padamu orang-orang yang berpegang kepada ajaran pengikut Nikolaus. Sebab itu bertobatlah! Jika tidak demikian, Aku akan segera datang kepadamu dan Aku akan memerangi mereka dengan pedang yang di mulut-Ku ini.*

Dalam surat Yesus kepada jemaat Efesus, Dia memuji mereka kerana kebencian mereka terhadap perbuatan pengikut-pengikut Nikolaus. Pengikut-pengikut Nikolaus ialah “Penakluk atau Pemusnah Rakyat”. Perbuatan mereka merujuk kepada memakan daging berhala dan terlibat dalam pencabulan. Perbuatan mereka menjadi doktrin bila mereka mengajar bahawa pencabulan, kenajisan dan penyembahan berhala adalah diizinkan di bawah kasih karunia Tuhan. Dosa berleluasa pada masa itu di mana doktrin Paulus mengenai kasih karunia disalahgunakan.

Jika anda fikir doktrin pengikut-pengikut Nikolaus adalah hanya ada dalam sejarah pada masa gereja Pergamus sahaja, fikirkanlah sekali lagi. Doktrin pengikut-pengikut Nikolaus hidup dan sihat hari ini.

Orang Kristian hari ini sudah menurunkan standard kepercayaan dan kelakuan mereka. Ada yang berkata: “Kita tidak harus berfikiran sempit” yang menyokong masyarakat LGBTQ untuk diterima. “Kita harus menjadi sebahagian daripada dunia jika kita mahu memenangkan mereka,” jadi penyembahan menjadi seperti konsert pop. “Kita harus berseronok,” jadi adalah baik untuk meraikan Halloween. “Kita harus berpegang kuat kepada tradisi kita,” jadi apa salahnya untuk membabitkan sedikit dalam hal “feng shui” (geomancy) ? Semua ini hanyalah beberapa contoh bagaimana dunia hari ini adalah Pergamus sekali lagi.

Mesej Yesus kepada jemaat Pergamus adalah relevan kepada gereja di Malaysia hari ini. Bertaubat, jika tidak, akibat ketidaktaatan akan berperang melawan kita dengan pedang Firman Kristus.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa untuk gereja anda dan pemimpin gereja untuk keperluan doktrin yang baik untuk dihutbahkan di mimbar. Berdoa untuk diri agar anda akan mendengar Firman Tuhan melalui hati anda dan mengizinkan Firman Tuhan membentuk standard kepercayaan dan kelakuan anda.
- Berdoa untuk Kementerian Dalam Negeri agar mereka akan memperbaiki keberkesanan dan kecekapan tugas awam terutamanya di bahagian menguatkuasakan undang-undang, keselamatan dan ketenteraman, pendaftaran negara, kawalan pekerja asing, inisiatif antidadah, hal-ehwal imigrasi dsb., untuk menjamin keselamatan dan hak semua rakyat dan masyarakat secara keseluruhannya.

## Janji Tuhan kepada Pemenang

*Wahyu 2:17 Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat: Barangsiapa menang, kepadanya akan Kuberikan dari manna yang tersembunyi; dan Aku akan mengaruniakan kepadanya batu putih, yang di atasnya tertulis nama baru, yang tidak diketahui oleh siapapun, selain oleh yang menerimanya.”*

Perkataan Yunani “Nikao” atau “mengatasi” digunakan dengan meluasnya oleh rasul Paulus. Untuk mengatasi ialah untuk menawan, mengalahkan, berjuang dengan berjaya, menang sebagaimana dalam sebuah pertandingan atau penaklukan tentera.

Apakah yang Yesus panggil jemaat di Pergamus untuk atasi? Pada asasnya, semua hal yang tidak suci dan tidak benar.

Sebagai orang Kristian, mengatasi bermakna kita dipanggil untuk tetap lurus dan bersih di dalam dunia yang korup dan berdosa dan untuk menjalani kehidupan dengan kepercayaan yang tidak berkompromi. Yohanes menulis bahawa kita dapat menjadi pemenang kerana:

- Kamu berasal dari Allah, anak-anakku, dan kamu telah mengalahkan nabi-nabi palsu itu; sebab Roh yang ada di dalam kamu, lebih besar dari pada roh yang ada di dalam dunia. (1 Yohanes 4:4)
- Aku menulis kepada kamu, hai anak-anak, karena kamu mengenal Bapa. Aku menulis kepada kamu, hai bapa-bapa, karena

kamu mengenal Dia, yang ada dari mulanya. Aku menulis kepada kamu, hai orang-orang muda, karena kamu kuat dan firman Allah diam di dalam kamu dan kamu telah mengalahkan yang jahat. (1 Yohanes 2:14)

- Siapakah yang mengalahkan dunia, selain dari pada dia yang percaya, bahwa Yesus adalah Anak Allah? (1 Yohanes 5:5)
- Dan mereka mengalahkan dia oleh darah Anak Domba, dan oleh perkataan kesaksian mereka. Karena mereka tidak mengasihi nyawa mereka sampai ke dalam maut. (Wahyu 12:11)

Yesus menjanjikan kepada pemenang manna yang disembunyikan dan sebiji batu putih dengan nama yang baharu di atasnya. Dalam Yohanes 6:51, Yesus berkata bahawa Dia ialah Roti Hidup dan semua orang yang memakannya akan beroleh hidup yang kekal. Batu putih dengan nama yang baharu di atasnya dikatakan sebagai kekudusan dan kebenaran orang yang menang di mana Yesus akan meneguhkan satu keintiman peribadi. Alangkah indahnya janji yang menantikan pemenang.

### Doa Hari Ini:

- Doakan untuk diri menjadi pemenang, berpegang kuat pada janji Yesus bahawa barangsiapa menang, ia akan memperoleh semuanya ini, dan Yesus akan menjadi Tuhannya dan kita akan menjadi anak-anak-Nya (Wahyu 21:7)
- Berdoa untuk pendidik yang baik direkrut dan akan ada pembaharuan dan pembaikpulihan yang menyeluruh dalam semua peringkat pendidikan, prasekolah ke peringkat tinggi, sama ada di bawah sistem awam, swasta, antarabangsa atau homeschooling agar mereka akan menghasilkan pekerja yang kompeten teknikal, berpengetahuan dan konstruktif dengan kemahiran komunikasi dan profesionalisme yang baik; bertanggungjawab secara moral terhadap kehidupan peribadi, persekitaran, hubungan dan tugas mereka.

# Hari ke 19-23

## Kuasa Kekudusan dan Nubuat

(Wahyu 2:18-29)

<sup>18</sup> “Dan tuliskanlah kepada malaikat jemaat di Tiatira: Inilah firman Anak Allah, yang mata-Nya bagaikan nyala api dan kaki-Nya bagaikan tembaga:

<sup>19</sup> Aku tahu segala pekerjaanmu: baik kasihmu maupun imanmu, baik pelayananmu maupun ketekunanmu. Aku tahu, bahwa pekerjaanmu yang terakhir lebih banyak dari pada yang pertama.

<sup>20</sup> Tetapi Aku mencela engkau, karena engkau membiarkan wanita Izebel, yang menyebut dirinya nabiah, mengajar dan menyesatkan hamba-hamba-Ku supaya berbuat zinah dan makan persembahan-persembahan berhala.

<sup>21</sup> Dan Aku telah memberikan dia waktu untuk bertobat, tetapi ia tidak mau bertobat dari zinahnya.

<sup>22</sup> Lihatlah, Aku akan melemparkan dia ke atas ranjang orang sakit dan mereka yang berbuat zinah dengan dia akan Kulemparkan ke dalam kesukaran besar, jika mereka tidak bertobat dari perbuatan-perbuatan perempuan itu.

<sup>23</sup> Dan anak-anaknya akan Kumatikan dan semua jemaat akan mengetahui, bahwa Akulah yang menguji batin dan hati orang, dan bahwa Aku akan membalaskan kepada kamu setiap orang menurut perbuatannya.

<sup>24</sup> Tetapi kepada kamu, yaitu orang-orang lain di Tiatira, yang tidak mengikuti ajaran itu dan yang tidak menyelidiki apa yang mereka sebut seluk-beluk Iblis, kepada kamu Aku berkata: Aku tidak mau menanggungkan beban lain kepadamu.

<sup>25</sup> Tetapi apa yang ada padamu, peganglah itu sampai Aku datang.

<sup>26</sup> Dan barangsiapa meneng dan melakukan pekerjaan-Ku sampai kesudahannya, kepadanya akan Kukaruniakan kuasa atas bangsa-bangsa;

<sup>27</sup> dan ia akan memerintah mereka dengan tongkat besi; mereka akan diremukkan seperti tembikar tukang periuk--sama seperti yang Kuterima dari Bapa-Ku--

<sup>28</sup> dan kepadanya akan Kukaruniakan bintang timur.

<sup>29</sup> Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat.”

## Memperkasa Satu Gaya Hidup Disiplin Rohani

Terdapat peraturan-peraturan hidup yang tertulis di dalam Alkitab untuk menjamin satu gaya hidup kekudusan. Peraturan-peraturan itu memperkasa kita dari dalam untuk mengenal Dia dan destini dari Dia untuk suatu bangsa. Secara semula jadi kita adalah pencari kesenangan dan bukan pencari Tuhan. Bagaimanapun, Tuhan sangat berkenan dengan seseorang Kristian yang hidup dengan penyerahan dan disiplin yang sepenuhnya. Itu memperkasakan.

Mazbah doa peribadi yang dasingkan setiap hari bagi Tuhan tertulis secara terbuka di Ulangan 17:18-20 dan merupakan dasar asas yang perlu untuk mana-mana pemimpin atau orang percaya. Apabila peraturan ini dilanggar, keinginan manusia yang menguasai. Sekilas ke dalam hidup Raja Saul, Salomo dan Daud memberi gambaran yang jelas mengenai ini. Kekudusan ialah di mana Tuhan menghubungkan dan melalui amaran nubuatan-Nya, Dia menyatakan arah tujuan sesebuah bangsa yang tidak berkomunikasi dengan Dia setiap hari.

Daripada pembacaan Alkitab hari ini, rasa tidak menentu dan roh ketakutan murid-murid-Nya terasa melayang di udara. Yesus sudah dibangkitkan daripada kematian, dan menampakkan Diri-Nya kepada murid-murid-Nya. Kepercayaan dan pengharapan muncul dalam diri mereka. Empat puluh hari menantikan kuasa daripada Roh Kudus untuk bersaksi menetapkan semangat yang baharu dan segar di jalan menuju kebangunan rohani. Petrus dipulihkan dan diberi kuasa.

Jemaat di Tiatira dalam Wahyu 3:18-29 mengingatkan kita mengenai persepsi Rohani kita hari ini. Ya, kita ada aktiviti dan acara gereja dan semua digerakkan oleh program, tetapi bagaimana dengan keadaan rohani kita? Setiap orang bertanggungjawab kepada Tuhan. Tuhan tahu rahsia gelap setiap orang. Kembali kepada Tuhan, serahkan secara total kepada Dia dan Dia akan memulihkan hubungan anda dengan Dia.

### Doa Hari ini:

- Berdoa agar orang Kristian di negara kita akan membuat satu keputusan yang tegas dan tulus untuk menyerah sepenuhnya kepada Tuhan; keluarga yang tidak berfungsi atau yang hancur akan mencari pengampunan daripada sesama agar mereka akan disembuhkan dan dipulihkan, gereja akan bangkit untuk panggilan kekudusan mereka.
- Berdoa untuk perubahan yang positif dan revolusioner akan dibuat dalam Kementerian Pendidikan agar sistem pendidikan dan kurikulum akademik kita akan menjadi inklusif, dipandu oleh nilai-nilai, memenuhi standard dan kualiti antarabangsa, menolong menyediakan dan memperkasa sekolah dan pelajar berada di depan di era IR4.0, memelihara dan menghasilkan satu generasi yang tahu hak kewarganegaraan dan tanggungjawab mereka dan memegang nilai dan etika yang mulia.

## Hiduplah dengan Kesalehan

Mendisiplinkan diri untuk tujuan kesalehan bererti dengan sengaja melatih diri kita untuk kesalehan. Ini menunjukkan bahawa seluruh sikap diri, perilaku dan nilai-nilai kita terlibat dengan sungguh-sungguh dalam proses pemangkasan. Proses pemangkasan adalah dengan satu tujuan dan sengaja mempersiapkan diri untuk menghadapi pergelutan dalaman dan luaran kita untuk masa sekarang dan masa depan.

Disiplin menguatkan dan membina otot-otot iman kita agar kita dapat bertahan dengan lebih baik ujian dan percubaan hidup ke atas godaan setiap hari. Ini diperlukan untuk membentuk karakter dan tingkah laku kita, dengan itu menghasilkan buah yang tahan lama. Kesalehan hasil daripada disiplin sebegini sememangnya bermanfaat untuk mempengaruhi orang lain.

Tuhan mencari manusia yang memiliki nama yang baik, dipenuhi dengan Roh

Kudus dan hikmat (KPR 6:3). Gelombang nubuat Roh Kudus kepada Tiatira untuk bertaubat daripada pencabulan (Wahyu 3:21) ialah satu amaran keras kepada kita hari ini. Bagaimanakah sesebuah bangsa beri respon kepada Tuhan untuk beroleh semula kebenaran?

Ini bermula dengan anda memenuhi diri dengan Firman Tuhan. Anda mempunyai cukup kasih karunia untuk sampai separuh jalan dalam perjalanan 40 hari berpuasa. Jangan putus asa. Kerjakan semula sempadan peribadi anda untuk mengurangkan perkara-perkara yang mengganggu perhatian anda daripada masa peribadi anda bersama Tuhan. Bila anda membaca Firman Tuhan, ambil masa 30 minit tambahan untuk merenungkan pembacaan anda dan menerapkan kata-kata yang anda telah tangkap. Terapkan apa yang anda belajar hari ini dan lakukan yang terbaik untuk orang lain. Menolak untuk berbicara negatif mengenai orang lain.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa untuk hikmat dan pengertian bila kita merenungkan mesej hari ini dan agar kesempatan akan diberi untuk kita memberkati orang lain serta memulakan sebuah mazbah doa keluarga atau mazbah doa tempat kerja
- Berdoa untuk Kementerian Kerja Raya yang bertanggungjawab atas kerja-kerja awam, pihak berkuasa lebuhraya, industri pembinaan dan profesional yang relevan seperti jurutera, arkitek dan juruukur kuantiti yang akan menyampaikan projek-projek infrastruktur dan pembangunan yang kos efektif, mampan, kualiti terjamin dan berdaya saing secara global.

## Hikmat Dalam Kehidupan Melalui Mata Tuhan

Kita hidup dalam masa yang mencabar. Apabila masa adalah tidak menentu, dasar akan tergoncang. Dr. John Mulinde menulis dalam bukunya *The Midnight Call*, “Tuhan bergerak dalam gelombang. Dia telah melakukannya di Mesir dan itulah yang Dia sedang lakukan hari ini. Gelombang lepas gelombang. Dan setiap gelombang, Dia sasaran terhadap sesuatu. Setiap gelombang disasarkan kepada seseorang. Setiap gelombang berbicara kepada seseorang.”

Apabila kita mempunyai dasar yang lemah, kita akan menghidupi suatu kehidupan yang cetek. Ramai orang tidak melihat melalui mata Tuhan. Kita tertarik kepada spekulasi dan kejadian yang meriah dalam masa yang sesingkat mungkin. Kecetakan generasi kita digambarkan secara khususnya dalam kecetekan kita dalam Firman Tuhan. Apabila gelombang masalah atau ketidakpuasan meresap ke dalam gereja, kita memilih kesenangan untuk ‘lompat gereja’ (pindah gereja). Melibatkan diri dalam pembacaan Firman

Tuhan mungkin merupakan satu disiplin yang sungguh-sungguh, tetapi melalui disiplin inilah hikmat dalam kehidupan dipraktikkan.

Dalam pembacaan hari ini di KPR 12, kematian Herodes mengakhiri musim penganiayaan di Yerusalem. Lukas menambahkan dalam salah satu kesimpulannya, “maka Firman Tuhan makin tersebar dan makin banyak didengar orang” (ay. 24). Fokus sejarah akan beralih kepada Paulus dan misinya kepada seluruh dunia. Hikmat dalam menghidupi kehidupan melalui mata Tuhan ialah satu perspektif yang diberi kepada kita ketika kita mempelajari Firman Tuhan. Apabila kita melihat apa yang Tuhan lihat, kita akan melakukan apa yang Tuhan firmankan.

Semoga kita meminta Tuhan untuk memberikan nasihat daripada Roh Kudus dalam pembacaan kita hari ini, agar kita ada pengertian dan strategi untuk menghadapi “gelombang goncangan” kita hari ini.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar keluarga orang Kristian di dalam negara kita ada keinginan yang kuat dalam hal memuridkan generasi kita yang seterusnya agar Gereja secara keseluruhannya akan dapat dibangunkan dan dikuatkan dengan iman yang lebih dalam.
- Berdoa untuk Jabatan Peguam Negara di Malaysia agar ia dapat melaksanakan visi dan misinya dengan baik dalam menjadi badan penasihat kepada kerajaan Malaysia dan ia akan bersemangat, berwibawa dan proaktif dalam melaksanakan peranan dan fungsinya yang termaktub dalam Artikel 145 di Perlembagaan Persekutuan.



- Yakobus 1-5  
 KPR 16

## Iman Menghasilkan Buah

Iman ialah bahagian yang penting dalam Kekristianan. Ia bekerja dengan meletakkan kepercayaan sepenuhnya pada Yesus., tidak dicampurkan dengan kepercayaan yang lain atau kebergantungan pada undang-undang atau “usaha membenaran” individu. Iman ketika dikerjakan akan menghasilkan buah walaupun ada keadaan yang buruk. Yakobus memberi penekanan pada ketekunan, satu buah yang diperlukan untuk menangani “gelombang yang bergelora” yang datang kepada kehidupan kita serta kepada negara kita. Kita memerlukan ketabahan ketekunan untuk menantikan Tuhan dan untuk maju dengan keberanian.

Semasa anda membaca surat Yakobus, ia akan memberi jawapan kepada soalan mengenai iman. Di KPR 15, di Sidang Yerusalem, satu perdebatan yang serius diajukan mengenai dasar kebenaran. Tujuan utama orang-orang Farisi ialah untuk menerapkan Hukum Musa, dan dengan

demikian agama Yahudi kepada orang percaya bangsa-bangsa lain. Perbuatan yang ketara ialah ‘sunat’. Haruskah bangsa-bangsa lain mengamalkan suatu gaya hidup yang tertulis di Hukum Musa? Paulus dan Barnabas dilantik, bersama yang lain, sebagai perwakilan untuk menghadiri Sidang untuk menyelesaikan isu ini dengan para rasul dan penatua.

Yakobus muncul sebagai pemimpin dan memberi kesimpulan pengertian Sidang dengan singkat (KPR 15:12-18). Dia mengutip Firman Tuhan daripada Amos 9:11-12, menunjukkan bahwa Allah meramalkan keselamatan bangsa-bangsa lain sebagai jemaat (tanpa perlu menukar ke agama Yahudi). Gereja orang Yahudi seharusnya menerima saudara mereka yang daripada bangsa-bangsa lain seadanya, tanpa memaksa mereka untuk mengamalkan amalan orang Yahudi.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar belia dan kanak-kanak akan diinspirasikan untuk membaca Firman Tuhan secara konsisten sebagai gaya hidup harian mereka supaya iman dan pendengaran suara nubuat Tuhan akan bergerak maju ke depan.
- Berdoa untuk Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) terus menegakkan integriti, kejujuran dan hak rakyat dalam proses menyelidiki dan pendakwaan terhadap kes-kes rasuah di sektor awam dan swasta, berdiri secara mandiri dan perspektif bebas dan adil kepada semua pihak berkepentingan.

## Kehilangan Pegangan Kita Pada Kekudusan

“Kehilangan Pegangan Kita” bermakna kehilangan kawalan hidup kita. Ia memberi implikasi bahawa suatu hidup yang sudah diserahkan kepada “keduniawian”. Ia akibat daripada hidup dalam kesombongan kehidupan dan materialisme dengan sebuah tolok ukur humanistik. Apabila sesuatu tidak terjadi dalam cara yang kita sudah rancangkan atau harapkan, kita patah semangat atau rasa kecewa, dan beralih memilih agenda yang mementingkan diri sendiri.

Kenapa kita tidak boleh kehilangan pegangan kita pada kekudusan? Kita berdiri teguh dalam Kristus dan tahu bahawa hasilnya tidak bergantung pada usaha kita, prestasi atau janji-janji orang. Oleh itu, kita ada semua alasan untuk bersyukur kepada Tuhan dan menempatkan Tuhan di pusat segala yang kita lakukan dalam hidup ini.

Dengan membaca Alkitab hari ini, mungkin kita akan selarikan semula fokus kita. Paulus mengisytiharkan “Kristus

telah memerdekakan kita. Kerana itu berdirilah teguh dan jangan mau lagi dikenakan kuk perhambaan.” (Galatia 5:1) Bagaimana kita dapat berdiri teguh pada kekudusan? Penjelasan Paulus berdasarkan satu kebenaran yang diperkenalkan dalam Galatia 2:20, “Kristus yang hidup di dalam aku.” Hubungan kita dengan Tuhan sebagai anak-anak-Nya bermakna kita berkongsi keturunan-Nya. Kehidupan kekudusan dalaman beri respon kepada Roh dan harus dihidupi oleh iman. Yang lama, yang dinyatakan di sini sebagai “sifat lama,” dihidupi sebagai respons kepada hukum.

Undang-undang tidak pernah menghasilkan kasih di dalam hati kita. Oleh itu, jika kita mengikuti Roh sewaktu Dia memimpin dan bergantung pada kekuatan yang Dia berikan, kita tidak akan “memuaskan keinginan dari sifat berdosa kita”.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar kita akan tetap berdiri teguh dengan suatu gaya hidup yang sepenuhnya menyerah dan berdisiplin untuk memerangi godaan dan gangguan-gangguan harian supaya gereja dapat menjangkau masyarakat kita dengan kasih dan pernyataan buah Roh Kudus.
- Berdoa untuk Kementerian Pembangunan Luar Bandar agar ia dapat menolong 7.3 juta orang yang menduduki 26,4000 kampung di seluruh Malaysia (terutamanya di Sabah dan Sarawak) supaya mereka dapat memiliki akses untuk keadaan hidup yang lebih baik dengan sekurang-kurangnya kemudahan asas dan agar strategi yang baik akan disediakan untuk menarik pelabur dan meningkatkan peluang ekonomi, akses dan daya maju untuk penduduk luar bandar.

# Hari ke 24-29

## Dibangunkan untuk Hidup

(Wahyu 3:1-6)

<sup>1</sup> “Dan tuliskanlah kepada malaikat jemaat di Sardis: Inilah firman Dia, yang memiliki ketujuh Roh Allah dan ketujuh bintang itu: Aku tahu segala pekerjaanmu: engkau dikatakan hidup, padahal engkau mati!

<sup>2</sup> Bangunlah, dan kuatkanlah apa yang masih tinggal yang sudah hampir mati, sebab tidak satupun dari pekerjaanmu Aku dapati sempurna di hadapan Allah-Ku.

<sup>3</sup> Karena itu ingatlah, bagaimana engkau telah menerima dan mendengarnya; turutilah itu dan bertobatlah! Karena jikalau engkau tidak berjaga-jaga, Aku akan datang seperti pencuri dan engkau tidak tahu pada waktu manakah Aku tiba-tiba datang kepadamu.

<sup>4</sup> Tetapi di Sardis ada beberapa orang yang tidak mencemarkan pakaiannya; mereka akan berjalan dengan Aku dalam pakaian putih, karena mereka adalah layak untuk itu.

<sup>5</sup> Barangsiapa menang, ia akan dikenakan pakaian putih yang demikian; Aku tidak akan menghapus namanya dari kitab kehidupan, melainkan Aku akan mengaku namanya di hadapan Bapa-Ku dan di hadapan para malaikat-Nya.

<sup>6</sup> Siapa bertelinga, hendaklah ia mendengarkan apa yang dikatakan Roh kepada jemaat-jemaat.”

## Dibangunkan untuk Hidup

Jemaat di Sardis mempunyai reputasi untuk hidup dalam erti kata yang negatif. Jemaat sedang menghadapi sejenis penyakit tidur, satu penyakit yang mencerminkan sebuah masyarakat yang mempunyai orang yang terlalu yakin dan mempunyai gaya hidup yang sibuk. Kekurangan sikap serius mereka akhirnya membawa kemusnahan kota sebanyak dua kali, semasa musuh melanggar tembok dan menjatuhkan pengawal yang terlepas.

Orang-orang percaya menikmati kebebasan beragama tetapi dengan terlalu percaya diri, mereka menuju ketiduran rohani. Yesus tahu tentang aktiviti dan program gereja, tetapi bukannya Dia kagum dengan keaktifan yang kelihatan secara luaran, Dia memberi nasihat kepada mereka dengan satu panggilan untuk “bangun”. Bagi Dia, gereja itu disamakan dengan seorang yang hampir mati. Dalam konteks kita, amaran itu bermaksud “jangan terlelap di roda, atau jangan kedapatan tertidur ketika berkerja.”

Seperti Jemaat Sardis, kita perlu mengelakkan terlalu percaya diri dan

bertanya kepada diri sendiri soalan berikut:

- Adakah keadaan rohani saya mencerminkan apa yang dihuraikan mengenai jemaat di Sardis?
- Adakah semua program gereja menyembunyikan keadaan rohani gereja yang sebenar di hadapan Tuhan?
- Sudahkah kita mengamalkan suatu model kekristianan yang terlalu longgar, tidak menyinggung yang tidak ambil serius Firman Tuhan dan adakah kita tidak lagi peduli akan keperluan dan penderitaan orang yang terhilang yang ada di sekitar kita?
- Mungkin kita mempunyai reputasi hidup bersemangat dan aktif. Tetapi adakah Tuhan melihat kita sebagai mati dan tertidur?

Dalam beberapa hari akan datang, kita akan berusaha untuk meneliti pertanyaan-pertanyaan di atas dan mengizinkan Tuhan berbicara kepada kita dan membahas keadaan kesihatan rohani kita.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar Roh Kudus akan mempercepatkan hati kita untuk berespons kepada panggilan dari Dia untuk bangun dan mengelak daripada “penyakit tidur” yang kita mungkin ada dalam perjalanan peribadi kita bersama Tuhan, terutamanya mengalihkan fokus dan keutamaan lebih kepada hal-hal Tuhan yang akan bertahan selama-lamanya dan bukan hal-hal di bumi yang berfungsi hanya sementara waktu, agar kita akan melayani Tuhan dan tujuan-Nya dalam hayat hidup kita.
- Berdoa untuk Kementerian Wanita dan Keluarga supaya polisi dan arahnya akan mewujudkan sebuah masyarakat berbilang kaum yang peduli yang menentang diskriminasi wanita, dan menyediakan pengharapan dan pembangunan untuk pihak terpinggir seperti kanak-kanak, warga emas, golongan miskin tiada tempat tinggal, mangsa bencana dan lain-lain.

## Skandal di dalam Gereja

Terdapat dua kerajaan yang bekerja dalam kehidupan: kerajaan Setan dan kerajaan Tuhan. Mereka saling bercampur, bekerja sepanjang masa di mana-mana, dan walaupun anda tidak dapat memisahkan mereka dengan sempadan yang jelas dari sudut geografi atau personaliti, mereka adalah terpisah dengan jelasnya dalam falsafah mereka.

Apa yang berlaku di KPR 19, adalah suatu pertembungan antara dua kerajaan. Jika bukan kerana campur tangan Ilahi, ia sudah memusnahkan gereja di Efesus. Namun, di 1 Korintus 5, di mana percabulan bermaharajalela di gereja, jemaat Korintus tidak rasa dukacita dan mengizinkan peristiwa ini untuk menghancurkan gereja. Terdapat tiga langkah asas yang kita harus ambil apabila berhadapan dengan isu-isu seperti ini: sikap yang benar, melaksanakan dasar yang tepat untuk mengambil tindakan dan mengarahkan tujuan yang tepat untuk menghentikan jangkitan daripada merebak. – “menyingkirkan ragi yang lama”

Kita diingatkan bukan sahaja menyingkirkan orang yang membuat masalah tetapi sebaliknya untuk menjangkau individu-individu yang terlibat dan berurusan dengan mereka dalam cara di mana mereka dapat melihat kesalahan mereka dan akhirnya bertaubat.

Gereja ialah pengantin Kristus dan dia perlu mengekalkan standard yang Tuhan sudah berikan kepadanya. Gereja perlu mengenali kedudukan uniknya yang dia miliki di dunia pada hari ini. Bila kita hidup dalam kemenangan atas kuasa-kuasa yang cuba membinasakan orang lain, orang akan melihat bahawa adanya tujuan dan sebab yang bermakna bagi keselamatan yang dia akui miliki.

Kepimpinan gereja mesti bersatu dan berani berhadapan dengan banyak isu yang dihadapi oleh gereja. Gereja mesti mencari pautan yang paling lemah yang dapat mematahkan rantai dalam kepemimpinan.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar gereja akan mengendalikan dan menghadapi isu secara alkitabiah, dan tidak mengizinkan isu-isu itu untuk memecahkan gereja atau melemahkan rantai kepemimpinan mereka. Sebaliknya, oleh kasih karunia dan hikmat Tuhan, gereja akan mengambil langkah-langkah yang sesuai dalam memperbaiki apa pun yang sudah rosak, menguatkan apa yang lemah dan berdiri dalam kesatuan demi Kristus (Pengkhotbah 4:12 Dan bilamana seorang dapat dialahkan, dua orang akan dapat bertahan. Tali tiga lembar tak mudah diputuskan.)
- Berdoa agar semangat Kemerdekaan dan semangat kepedulian, berkongsi dan bekerjasama yang diusahakan dan dipegang oleh orang-orang sebelum kita sejak masa mereka berjuang untuk hak kebangsaan dan kebebasan akan dihidupi kembali di kalangan semua rakyat Malaysia ketika kita merayakan Hari Merdeka 2020.

## Masanya untuk Serious

Bandar Sardis berdiri tinggi di atas bukit yang bersilang dengan jalan perdagangan penting. Masyarakat orang Yahudi sangat kaya, berpengaruh dan makmur seperti penduduk yang lain di kota itu. Pembacaan hari ini mengingatkan kita bahawa kita berada dalam bahaya jatuh ke dalam rasa puas dan kelalaian apabila kita berfikir bahawa keberhasilan aktiviti gereja kita menyembunyikan keadaan rohani yang sebenarnya di hadapan Tuhan?

Kata-kata Yesus kepada jemaat untuk “Bangunlah, dan teguhkanlah apa yang masih tinggal” jelas merupakan panggilan yang mendesak untuk berwaspada atau berhati-hati. Tuhan sedang menggoncangkan mereka daripada fikiran yang kabur dan memberi amaran kepada mereka tentang bahaya yang mereka hadapi. Tuhan mendesak mereka untuk “serious” kerana mereka dalam keadaan yang terdesak dan bahaya dan perlu melakukan segala-galanya untuk menyelamatkan apa yang masih tersisa dan juga mengangkat tekanan yang amat besar yang sedang turun ke atas gereja. Tindakan segera dibenarkan. Seperti

anai-anai dan kereputan kering boleh memusnahkan rangka rumah tanpa kerosakan luaran yang ketara, gereja diberi amaran untuk menguatkan dasarnya sebelum rumah itu runtuh di sekelilingnya.

Begitu juga sementara gereja di Korintus ialah sebuah gereja yang banyak talenta dan karunia, dalaman adanya pertelingkahan dan perpecahan. Terdapat juga kebingungan doktrin dan amalan serta dosa yang merisaukan di dalam gereja itu. Ini menjelaskan kenapa ia menjadi penting untuk mereka untuk menumpukan perhatian mereka pada bab 13, sebuah lagu cinta. Mereka perlu faham bahawa kasih Kristian sangat pasti, mereka harus memastikan ia terjadi.

Mesej Yesus kepada jemaat di Sardis dan Korintus bahawa sudah tiba masanya untuk serius adalah juga untuk kita hari ini. Masa melawan kita untuk bertindak, kerana kedatangan Yesus yang kedua kalinya akan datang seperti pencuri pada waktu malam dan kita tidak mahu menjadi seperti lima gadis yang bodoh.

### Doa Hari Ini:

- Kita jauh daripada tujuan Tuhan bagi bangsa ini. Panggilan untuk berdoa sudah merosot selepas Pilihan raya ke-14 dan apa yang kita lihat ialah simptom rasa puas dan kelalaian. Berdoa agar kita akan tetap memastikan kaki dian di gereja kita bernyala dengan terangnya.
- Berdoa agar Kementerian Sumber Manusia akan terus memudahkan operasi pasaran buruh untuk memastikan modal insan yang cekap, produktif, responsif dan berdaya tahan dilatih dan dihasilkan. Berdoa agar Kementerian ini akan bekerja dengan efektif untuk meningkatkan kemampuan mendapat kerja tenaga tempatan dan agar hal-hal keselamatan yang komprehensif dinamik dan progresif tertentu akan dibuat untuk mereka.

## Berpegang kepada Kebenaran

Gereja di Korintus dipenuhi dengan orang-orang yang berjaya atas usaha sendiri. Di kalangan jemaatnya ialah ramai hamba yang sudah dibebaskan yang telah bekerja keras untuk membina nama dan kekayaan untuk diri mereka dan keluarga mereka. Suasana sedemikian telah memupuk pola pemikiran yang berdikari dan mengandalkan pada diri sendiri.

Paulus, penuduh jemaat Korintus, mencabar gereja dalam surat kedua untuk menguji diri mereka sendiri apakah mereka beriman. Terdapat sebilangan anggota yang mengaku dilahirkan kembali beriman tetapi tidak. Hal-hal yang harus dia hadapi adalah “perselisihan, iri hati, kemarahan, perselisihan/kepentingan diri sendiri, fitnah, gosip, kesombongan, dan gangguan.” Di samping itu, Paulus mempunyai setiap sebab untuk percaya bahawa “kecemaran, pencabulan, dan hawa nafsu” wujud. Ini ialah dosa yang dia dedahkan dan tegur pada masa yang lalu, dan dia risau ada di kalangan mereka yang belum bertaubat daripada dosa itu. Lebih menyedihkan, semua ini merupakan manifestasi dari daging yang bertentangan dengan buah roh.

Orang yang pergi ke gereja yang hanya sekadar perbuatan kerohanian tidak akan menyedari betapa jauh hatinya sudah menyimpang daripada Tuhan. Yesus berbicara tentang empat jenis tanah tempat benih itu jatuh, tetapi hanya satu daripada empat jenis tanah itu menghasilkan kepercayaan yang sejati. Yesus juga telah mengajar tentang talang yang tumbuh bersama gandum di setiap gereja. Amaran yang tersirat ini diarahkan pada mereka yang berfikir mereka ialah orang Kristian, tetapi sebenarnya mereka tidak.

Untuk berpegang pada kebenaran ialah mengingati apa yang anda telah dengar, bagaimana anda menerima injil melalui kasih karunia Tuhan dan sedar bahawa anda telah dimaterai oleh Roh Kudus. Imbas kembali bagaimana anda menerima pemberian penyelamatan dengan segenap hati dengan semangat, keghairahan, dan kegembiraan. Izinkan kasih karunia Tuhan untuk menyempurnakan apa yang Dia telah mulakan dalam anda dan ingatlah bahawa anda ditebus dengan harga.

### Doa Hari Ini:

- Tidak ada seorang manusia yang boleh hidup bersendirian dan akauntabiliti rohani memberi sebuah jalan untuk pemeriksaan kerohanian. Berdoa agar kita akan mengamalkan roh ketundukan dan transparan kepada tubuh Kristus, dan dengan berdoa dalam Roh dan tetap dalam Firman Tuhan, kita akan memperoleh hikmat dan pengertian dan meninggikan Kristus dalam semua situasi.
- Berdoa agar Kementerian Industri Perladangan dan Komoditi akan bekerja dengan cekapnya dalam meluaskan pasaran antarabangsa kita untuk eksport komoditi tempatan kita, contohnya minyak kelapa sawit, balak, perabot, koko, lada hitam dsb., dan meningkatkan pendapatan eksport negara kita secara keseluruhannya.

## Ketaatan yang Aktif

Dalam tiga bab yang terakhir di 2 Korintus, Paulus mengesahkan kedudukan kerasulannya menentang guru palsu. Walau bagaimanapun dia menyatakan keprihatinannya terhadap mereka kerana dia tidak memanfaatkan posisinya. Membanggakan penderitaannya menjadi kesaksian untuk mempertahankan warisan Yahudinya. Meskipun mereka menganggap Paulus sebagai lemah, dia merancang untuk membangunkan mereka dan bukannya menghancurkan mereka dalam lawatan berikutnya.

Yesus dalam perintah keempat-Nya kepada jemaat di Sardis adalah untuk mereka "taat" dan tahu bahawa kedatangan Tuhan (parousia) akan seperti seorang pencuri pada waktu malam. Bersedialah untuk menghadapi pengadilan atau dibinasakan. Kedatangan Tuhan seperti seorang pencuri yang tidak diduga (sembunyi-sembunyi) atau diundang memiliki akibatnya yang serius, dan mungkin lebih parah daripada apa yang Yesus ajarkan dalam Yohanes 10:10 yang merujuk kepada iblis. Sang Raja

akan tiba dalam segala kemuliaan-Nya untuk mengadili dan memberi ganjaran.

*Roma 5:19 Jadi sama seperti oleh ketidakaatan satu orang semua orang telah menjadi orang berdosa, demikian pula oleh ketaatan satu orang semua orang menjadi orang benar.*

Ketaatan yang menuntut tindakan ialah menanti dan melayani dengan aktifnya Tuhan yang hidup dan benar. Ketaatan ialah kunci yang membuka pintu kasih Tuhan agar kita diberi kekuatan untuk mengasihi dengan cara yang diminta Alkitab.

Kita tentu akan berhadapan dengan tekanan daripada dunia yang bermusuhan dari segi moral dan dalam kehidupan masyarakat kita. Walau bagaimanapun, tekanan yang terbesar kita ialah pandangan yang hilang tentang kedatangan Penyelamat yang akan datang. Tugas kita ialah untuk bergerak bersama Roh (Galatia 5:25) dan menjadikan hidup kita satu kesaksian yang kuat untuk Injil.

### Doa Hari Ini:

- Izinkan perkataan-perkataan daripada nyanyian ini menjadi doa kita, "Percayalah dan taat, kerana tidak ada cara lain untuk bersukacita bersama Yesus, tetapi hanya percaya dan taat."
- Berdoa agar Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan akan terus mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan dan budaya bertaraf dunia dan agar Kementerian ini akan dengan kreatif dan bijak menghasilkan idea dan rancangan yang baik untuk memungkinkannya visi dan misinya.



## Jubah Pertaubatan

Tidak setiap orang Kristian di Sardis telah “mencemarkan pakaian mereka”. Jemaat yang setia yang diberi jubah putih telah dibenarkan dan adil di hadapan Tuhan. Mereka tidak harus melupakan fakta bahawa jubah diberi sebagai satu pemberian, dan mereka tidak membenarkan diri dengan perbuatan yang baik, tapi dibenarkan secara rohani oleh karya Kristus.

Oleh itu, pertaubatan ialah menolak apa yang tidak benar dan bertaubat daripada dosa. Ia adalah bergerak menjauh daripada iman yang nominal yang kelihatannya hidup tetapi dalam realitinya adalah mati. Mereka perlu bertaubat daripada kemunafikan mereka dan daripada dosa hidup atas reputasi yang mati. Mereka harus berbalik kepada tujuan menjadi kaki dian untuk Kristus dan Injil. Ia juga adalah penting agar mereka bertaubat dengan insafnya kerana perubahan fikiran dan hati yang sejati diperlukan untuk perjalanan yang sesungguhnya dan konsisten bersama Tuhan.

Sisa-sisa jemaat yang tidak mencemarkan pakaian mereka dan yang berwaspada dan berhati-hati dianggap layak. Pakaian mereka bersih dan putih yang melambangkan kesucian. Ia memerlukan hati yang remuk dan hancur untuk menerima pakaian ini secara sudi dan siap sedia. Mereka menjadi kesaksian dan tidak malu akan Injil.

Orang Kristian hari ini harus mengelak daripada perangkap Sardis. Walaupun ada yang menyamakan aktiviti sesebuah gereja dengan kehidupan rohani, Tuhan melihat menembusi semua kesibukan dan memastikan hati umat-Nya. Kita tidak harus mencerminkan budaya yang ada di sekitar kita dan harus bersedia untuk memberi perbezaan. Orang Kristian yang menikmati kebebasan beragama harus menghindari daripada terlalu yakin yang akan menggoda mereka untuk tertidur secara rohani.

### Doa Hari Ini:

- Ingat: untuk setia ia menuntut melepaskan apa yang dunia tawarkan. Berdoa untuk perlindungan dan kekuatan Tuhan untuk membuat mata kita terarah pada Yesus yang adalah penulis dan penyelesaian iman, agar kita tetap tidak dicemari dan dinajiskan secara rohani agar kita dapat layak untuk hari pernikahan Anak Domba Allah.
- Berdoa agar Kementerian Komunikasi dan Multimedia akan memenuhi rancangannya untuk membina satu infrastruktur telekomunikasi yang dapat dipercayai, mampu milik dan boleh diakses di seluruh Malaysia, dan berjaya dalam usaha untuk memanfaatkan ekonomi digital dan ICT untuk mengubah negara kepada sebuah negara yang berstatus membangun dan ia akan mencapai sasarannya untuk menguatkan pengawalan ekosistem komunikasi dan multimedia yang dipercayai dan stabil.

# Hari ke 30-34

## Pintu Yang Terbuka Tiada Seorang Boleh Menutup

*(Wahyu 3:7-13)*

<sup>7</sup> Kepada malaikat jemaat di Filadelfia, tulislah begini: Inilah pesan dari Dia yang suci dan sejati. Dialah pemegang kunci yang dimiliki Daud; kalau Ia membuka, tidak seorang pun dapat menutupnya, dan kalau Ia menutup, tidak seorang pun dapat membukanya.

<sup>8</sup> Aku tahu apa yang kalian lakukan. Aku tahu bahwa kalian tidak seberapa kuat; kalian sudah menuruti ajaran-Ku dan setia kepada-Ku. Bagi kalian sudah Kubukakan sebuah pintu, yang tidak dapat ditutup oleh siapa pun juga.

<sup>9</sup> Ingatlah ini: Orang-orang yang menjadi umat Iblis itu, pembohong-pembohong yang mengaku dirinya Yahudi padahal bukan, akan Kubuat sehingga mereka datang bersujud di depanmu. Dan mereka akan tahu bahwa Aku mengasihimu.

<sup>10</sup> Oleh sebab kalian sudah menuruti perintah-Ku supaya bertekun, Aku pun akan melindungimu dari masa kesusahan yang akan menimpa seluruh dunia. Hal itu akan terjadi untuk mencobai semua orang di bumi.

<sup>11</sup> Aku segera datang! Jagalah baik-baik apa yang kalian miliki, supaya tidak seorang pun merenggut hadiah kemenanganmu.

<sup>12</sup> Orang yang menang, akan Kujadikan sebagai tiang dalam Rumah Suci Allah-Ku, dan ia akan tinggal di tempat itu selama-lamanya. Nama Allah-Ku, dan nama kota Allah-Ku--yaitu Yerusalem baru yang akan turun dari surga, dari Allah-Ku--akan Kutulis pada diri orang itu. Juga nama-Ku yang baru akan Kutulis pada dirinya.

<sup>13</sup> Barangsiapa dapat mendengar, hendaklah memperhatikan apa yang dikatakan oleh Roh Allah kepada jemaat-jemaat!"

## Pintu Tuhan Terbuka, Jangan Takut!

Apabila kita takut untuk mengizinkan Tuhan memimpin, kita takut kehilangan kawalan. Sumber ketakutan jenis ini ialah tidak mengenal Tuhan. J.I Packer dalam bukunya, *Knowing God*, mengatakan orang yang mengenal Tuhan mereka akan memiliki keberanian yang besar, semangat yang tidak berhenti-henti untuk melayani, pemikiran yang luar biasa mengenai Tuhan, dan kepuasan yang luar biasa dalam Dia. Oleh itu, kita harus mengenal Tuhan!

Ketakutan untuk mengizinkan Tuhan mengambil alih bermula ketika pengetahuan akan Tuhan dikompromikan atau dicampuradukkan oleh kejatuhan di Eden (Keluaran 3). Manusia yang sudah jatuh sekarang sudah benar-benar kehilangan

fokus dan berada dalam koma rohani. Jadi, kesan berantainya mengakibatkan kita kehilangan fokus mengenal Tuhan dan tujuan-Nya untuk hidup kita. Beri respon kepada panggilan untuk mengizinkan Tuhan mengambil alih mengarahkan kita kembali dengan suatu kehairahan untuk mengenal Tuhan Alkitab.

Paulus dipanggil oleh Tuhan untuk menjangkau bangsa-bangsa lain dan memuridkan mereka. Tugasnya menuntut kesetiaan dalam bergantung penuh pada Roh Kudus, fokus jelasnya pada panggilan Tuhan, dan iman. Tuhan membuka pintu. Paulus memulakan penglibatannya dengan keberanian dan melayani dengan tidak mementingkan diri.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar orang Kristian akan membuat suatu keputusan yang tegas dan tulus untuk kembali kepada Tuhan sepenuhnya dan bebas daripada apa-apa ketakutan tentang ketidaktentuan (contoh: politik, ekonomi, cuaca, penyakit dsb) dan agar Gereja secara keseluruhannya akan ada kelaparan dan kehausan rohani akan Tuhan.
- Berdoa untuk Menteri Wilayah Persekutuan yang mengawasi pentadbiran masjid dan badan agama di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan agar beliau dapat menubuhkan polisi kerajaan mengenai Islam yang berusaha membina keharmonian dan toleransi di kalangan semua kaum dan kumpulan agama.

## Genggam pada Tujuan Tuhan

Rasul Paulus diberi amaran tentang bahaya yang ada di depan. Tetapi dia teguh. Dia tahu tujuannya dalam melayani Tuhan dan tujuannya ialah sebuah medan pertempuran rohani. Banyak gereja ditubuhkan di Asia dan Eropah melalui dia. Sekarang rasul ini akan memenuhi satu lagi misi di mana Tuhan pertama-tama memanggil dia: “Pergilah saja! Sebab Aku sudah memilih dia untuk melayani Aku, supaya ia memberitakan tentang Aku kepada bangsa-bangsa lain yang tidak beragama Yahudi dan kepada raja-raja serta kepada umat Israel juga.”

Titik yang sangat penting ialah kesetiaan mengejar panggilan Tuhan. Panggilan Tuhan ialah mengenai melakukan. Matlamatnya ialah memenuhi tujuan-Nya dalam hidup. Destini itu ialah suatu proses menuju ke arah matlamat akhir. Medan pertempuran didapati di sepanjang jalan dalam destini kita - kita cenderung lemah, kita menghadapi cabaran, dan akan ada pengorbanan. Ia bekerja di bawah kasih

Tuhan dan kasih karunia-Nya. Ketakutan dan kematian tidak penting. Dr. John Mulinde dalam bukunya, Pursuing God’s Destiny, dengan ringkasnya berkata, “Tuhan ada rangka tindakan (blueprint) bagaimana hidup anda berjalan. Dia inginkan anda mengakhiri sebagai orang yang ditebus daripada dunia... Tuhan ada rencana di luar kematian jasmani.

Penutup Kitab Kisah Para Rasul 24-28 melukis sebuah gambar tentang destini Tuhan ke atas kehidupan Paulus di bumi. Di setiap sapuan berus, Dia menceritakan dengan jelas tentang keberaniannya, pengembaraan yang tidak ada ketakutan dan pekerjaan dengan pengorbanan, tidak kira betapa bahayanya. Bagaimanakah Tuhan mahu anda hidup bagi Dia? Untuk mengetahui destini seseorang ialah untuk mengenal Tuhan. “Adakah telinga anda terbangun?” Dengar, dengar kepada “Perkataan Angin”, Roh Kudus yang sedang meniup...” (Wahyu 3:13). Bacalah Firman Tuhan hari ini dan renungkannya.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa kepada Tuhan untuk penyelamatan orang yang kita kasihan dan pengaruh anda tentang Kristus kepada orang lain di tempat kerja, jiran anda dan lingkungan persahabatan anda dsb. Dan untuk Injil Kerajaan Tuhan memberi impak kepada masyarakat anda.
- Berdoa untuk seluruh sistem mahkamah dan kehakiman Malaysia di mana Mahkamah Majistret, Mahkamah Seksyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang wujud di setiap peringkat mahkamah hierarki agar mereka akan berfungsi dalam transparansi dan konsistensi dalam pendengaran kes, mentafsirkan dan membimbing undang-undang dan membuat keputusan yang adil dan saksama.

## Perjalanan yang Menebus

Jemaat di Filadelfia di Wahyu 3:7-13 mengingatkan kita tentang persepsi kerohanian hari ini. Gereja berfungsi dengan khutbah yang berkuasa, pembelajaran Alkitab, aktiviti dan pekerjaan misi, tetapi bagaimana dengan kecerdasan (quotient) rohani kita? Tuhan tahu “rahsia gelap” umat manusia. Sedarilah bahawa hari pengadilan akan datang untuk kita memberi pertanggungjawaban hidup kita kepada Dia; berusaha keras untuk menjadikannya satu perhitungan yang cukup baik.

Kita perlu lihat pemuridan sebagai suatu perjalanan yang menebus. Ketika Yesus mati di kayu salib, ia bukan hanya untuk mengampuni dosa kita dan membebaskan kita daripada penghakiman Tuhan. Kematian-Nya ialah untuk menebus semua yang kita sudah hilang. Berpegang kepada “rahsia gelap” kita – doa pencabulan, perzinaan, pornografi, mengingini yang ada pada orang lain, rasuah dsb membawa kita menuju ke perhambaan dan kehidupan jiwa yang luka. Bagaimanapun, mengizinkan Tuhan untuk berperkara dengan “rahsia gelap” kehidupan dalaman kita akan membawa kebebasan, kesembuhan dan pemulihan. Paulus menyimpulkan dengan jelasnya,

“dan berakar di dalam Dia. Hendaklah kalian membangun hidupmu dengan Kristus sebagai dasarnya. Hendaklah kalian makin percaya kepada Kristus, menurut apa yang sudah diajarkan kepadamu. Dan hendaklah hatimu meluap-luap dengan ucapan syukur.” (Kolose 2:7)

Pemuridan juga merupakan suatu perjalanan yang berakarkan dalam suatu gaya hidup yang menerapkan diri dalam Firman Tuhan (Matius 4:4). Ia adalah menjalani satu kehidupan yang baik dan kudus yang diberi daya kuasa oleh Firman-Nya dan Roh Kudus untuk mengatasi godaan harian daripada Setan.

Bagaimanakah anda memperoleh suatu gaya hidup yang menebus? Pertama, serahkan dan berkata, “Ya, TUHAN.” Dia akan mula melakukan apa yang anda tidak dapat lakukan. Dia akan mula membawa anda dalam cara di mana anda tidak dapat bawa diri. Anda akan sedar kasih anda kepada Tuhan berlimpah. Akuilah “rahsia gelap” anda dan minta pengampunan dari Dia. Isytiharkan dengan kuat untuk mematahkan ikatan-jiwa “rahsia gelap” dalam hidup anda dan terus hidup bagi Dia.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar Tuhan akan menyembuhkan jiwa yang luka, memulihkan apa-apa hubungan yang tidak berfungsi dalam keluarga anda, dan membawa penyembuhan ketegangan kaum dan agama di masyarakat dan negara kita.
- Berdoa agar Ketua Hakim Negara akan mempunyai wawasan dan pandangan jauh dalam melantik dan memecat hakim, pesuruhjaya sumpah, dan ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, serta membuat dasar dan menguruskan badan kehakiman supaya sistem kehakiman akan menjadi cawangan bebas yang menambah kepada kekuatan, pertumbuhan, keamanan dan kemakmuran negara.



## Kuasa-Nya Bekerja di Dalam Kita

*“Dengan kuasa Allah yang giat bekerja di dalam diri kita, Allah dapat melakukan jauh lebih banyak daripada apa yang dapat kita minta atau pikirkan. Hendaknya Allah dimuliakan turun-temurun di dalam jemaat, melalui Kristus Yesus. Terpujilah Allah selama-lamanya! Amin.” (Efesus 3:20-21)*

Jemaat di Filadelfia disifatkan sebagai “kuasa yang sedikit” atau “kekuatan yang lemah” (Wahyu 3:8). Kekuasaan dapat didefinisikan sebagai kebolehan atau kemampuan untuk mendapatkan sesuatu dalam suatu cara yang tertentu. Jika mereka andalkan kekuasaan mereka, pintu akan tetap tertutup – kerana mereka tidak mempunyai kuasa yang kuat.

Akan tetapi, apa yang indah ialah ini: mereka tidak mengandalkan kepada kekuasaan diri mereka tetapi mengandalkan sepenuhnya pada Yesus dengan mentaati Firman-Nya dan tidak menyangkal nama-Nya (Wahyu 3:8). Firman-Nya. Nama-Nya. Atas Firman-Nya itu, akan dilakukan, atas nama-Nya setiap lutut akan bertelut. Kekuasaan yang sesungguhnya bukan didapati dalam apa yang kita mampu

lakukan tetapi dalam apa yang Kristus sudah lakukan untuk kita.

Inilah berita Injil. Agama yang mati mengatakan mengandalkan pada kekuasaan diri dan lihat apa yang anda mampu lakukan. Injil mengatakan andalkan pada kuasa Tuhan dan lihat apa yang Dia sudah lakukan untuk anda.

Ini ialah kuasa yang tidak terukur, memberi hidup, membuka pintu dan menyelamatkan jiwa. Ia adalah kuasa kebangkitan di mana maut tidak dapat mematikannya. Tambahan pula, Alkitab mengatakan kuasa ini yang bekerja di dalam semua milik-Nya untuk mencapai apa yang kita tidak dapat minta atau bayangkan. Jadi teguhkanlah hati. Taati Firman-Nya dan jangan malu akan nama-Nya.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa untuk gereja di Malaysia untuk terus tetap mengandalkan pada kuasa Firman Tuhan dan nama-Nya dan bukan pada kekuatan diri manusia terutamanya bila kita kukuh dengan emas dan perak yang ada dan memiliki kebolehan dan kemampuan tertentu untuk melakukan sesuatu dengan mudah.
- Berdoa untuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan dalam meneruskan pemodenan sektor pertanian supaya penyelidikan yang terkini dan penggunaan kecerdasan buatan ia akan menolong mewujudkan program-program untuk menambahkan peluang pekerjaan dan pendapatan untuk petani dan nelayan.



## Masuk ke Dalam

*1 Timotius 4:7-8 Jauhilah cerita-cerita takhayul yang tidak berguna. Hendaklah kaulatih dirimu untuk kehidupan yang beribadat. Latihan jasmani sedikit saja gunanya, tetapi latihan rohani berguna dalam segala hal, karena mengandung janji, baik untuk hidup ini maupun untuk hidup yang akan datang.*

Tuhan kita, Yesus membuka pintu untuk kita masuk ke dalam kehidupan Kristian yang berlimpahan dan menang. Tetapi kita harus membuat keputusan sama ada untuk berjalan melaluinya atau berjalan pergi dari situ. Tuhan sudah melakukan bahagian-Nya; kita perlu melakukan bahagian kita.

Rasul Paulus tahu ini dengan sesungguhnya. Dia tahu bahawa orang percaya perlu mengambil tanggungjawab peribadi untuk perjalanan mereka bersama Tuhan. Dalam surat-suratnya kepada murid-muridnya, Timotius dan Titus, dia memberi mereka kelayakan yang diperlukan untuk seseorang pemimpin yang baik, perintah mengenai bagaimana untuk menjadi satu dan hamba Krisuts yang layak. Dia mengajar

mereka apa yang mereka harus kejarkan dan abdikan diri serta apa yang perlu dielakkan dan tidak ada kaitan dengannya.

Bagaimana dengan anda dan saya? Untuk apa kita mengabdikan diri? Kita boleh sibukkan diri dengan mitos dan dongeng – tahayul yang tidak mendatangkan kebaikan untuk kita. Kita boleh terlibat dalam pelbagai aktiviti fizikal dan sukan yang boleh memberi sedikit kebaikan kepada kita. Namun, lebih dari ini, kita dipanggil untuk mengejar kesalehan – satu perkara yang akan memberi kita kebaikan terbesar. Kerana dalam kesalehan, kita masuk ke dalam rancangan abadi yang Tuhan adakan untuk hidup kita dan kita mengisytiharkan janji-janji-Nya yang indah.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa supaya kita tidak menyibukkan diri dengan semua jenis mitos dan dongeng yang tidak memberi manfaat kepada kita secara rohani. Sebaliknya marilah kita saling mendorong untuk mengejar kekudusan dan kesalehan dalam Kristus Yesus agar kita dapat bertahan dalam pencubaan dan godaan dalam hayat hidup kita.
- Berdoa untuk Kementerian Alam Sekitar supaya ia tetap mengejar kecemerlangan dalam persekitaran yang mampan dan penciptaan kekayaan melalui kemajuan saing dan teknologi supaya seluruh negara dapat menikmati persekitaran yang bersih dan bebas daripada pencemaran.

# Hari ke 35-40

## Api Sang Pemurni. Bersedia untuk Mengatasi.

*(Wahyu 3:14-22)*

<sup>14</sup> “Kepada malaikat jemaat di Laodikia, tulislah begini: Inilah pesan dari Sang Amin, Saksi yang setia dan benar, sumber segala sesuatu yang diciptakan oleh Allah.

<sup>15</sup> Aku tahu apa yang kalian lakukan; Aku tahu kalian tidak dingin dan tidak juga panas. Seharusnya kalian salah satunya!

<sup>16</sup> Tetapi kalian suam-suam kuku; panas tidak, dingin pun tidak. Itu sebabnya kalian akan Kumuntahkan keluar dari dalam mulut-Ku.

<sup>17</sup> Kalian berkata, ‘Kami kaya dan serba cukup; kami tidak kekurangan apa-apa.’ Tetapi kalian tidak tahu betapa melarat dan betapa menyedihkan keadaanmu! Kalian miskin, telanjang, dan buta.

<sup>18</sup> Sebab itu Aku menasihati kalian supaya membeli daripada-Ku emas, yaitu emas yang murni, supaya kalian menjadi kaya. Belilah juga pakaian putih daripada-Ku supaya kalian berpakaian dan menutupi keadaan kalian yang telanjang dan memalukan. Dan belilah pula obat untuk dioles di matamu supaya kalian dapat melihat.

<sup>19</sup> Orang-orang yang Kukasihi, merekalah yang Kutegur dan Kucambuk. Karena itu hendaklah kalian bersemangat, dan bertobatlah dari dosa-dosamu.

<sup>20</sup> Lihat! Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk. Kalau ada orang yang mendengar suara-Ku, dan membuka pintu, Aku akan masuk menemui dia; Aku akan makan bersama-sama dia dan ia makan bersama-sama Aku.

<sup>21</sup> Mereka yang menang, akan Kuizinkan duduk di takhta-Ku bersama-Ku, sama seperti Aku sendiri pun sudah menang dan sekarang duduk bersama Bapa-Ku di takhta-Nya.

<sup>22</sup> Barangsiapa dapat mendengar, hendaklah memperhatikan apa yang dikatakan oleh Roh Allah kepada jemaat-jemaat!”



- 1 Petrus 1-5  
 Ibrani 1-3

## Umpan Kekayaan

Laodikia ialah sebuah kota yang kaya dengan pengeluaran kain bulu domba, ubat salap mata dan merupakan pusat perbankan utama. Kota ini hampir-hampir dimusnahkan oleh satu gempa bumi pada 60M. Ia sangat kaya, mandiri dan bangga sehingga ia menolak bantuan dari luar dalam pembangunan semula kotanya. Keamanan mereka adalah pada kekayaan ekonomi mereka dan ia menjadi sebuah batu sandungan bagi mereka untuk mengejar Tuhan dan bertumbuh dalam iman mereka.

Yesus ada kata amaran untuk warga Kristian kota ini: Karena engkau berkata: Aku kaya dan aku telah memperkayakan diriku dan aku tidak kekurangan apa-apa, dan karena engkau tidak tahu, bahwa engkau melarat, dan malang, miskin, buta dan telanjang, maka Aku menasihatkan engkau, supaya engkau membeli dari pada-Ku emas yang telah dimurnikan dalam api, agar engkau menjadi kaya.” (Wahyu 3:17-18)

Kekayaan mampu dan akan memancing kita untuk menjauhkan diri daripada tujuan besar kita sebagai orang percaya. Tiada orang yang memulau dengan tujuan menjadikan wang sebagai suatu gangguan atau berhala. Namun, memiliki harta mempunyai kesan yang menghilangkan kawalan seseorang. Yesus memberi amaran bahawa kita tidak menjadi hamba kepada kedua-dua wang dan Tuhan; salah satu akan berkuasa (Matius 6:24); dan ia adalah sukar untuk orang kaya memasuki Kerajaan Syurga (Matius 19:23).

Wang ialah satu pemberian daripada Tuhan, tetapi apabila ia menjadi pusat kehidupan kita, ia menjadi satu gangguan, nafsu yang menginginkan lebih banyak lagi yang menarik kita jauh dari tujuan panggilan utama kita menjadi semua seperti yang Dia inginkan. Wang mula membentuk kita dan memberi kita suatu keamanan dan identiti yang palsu.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa untuk api Sang Pemurni untuk membakar umpan kekayaan saat kita bersiap untuk mengatasinya, mencari dahulu Kerajaan Tuhan dan kebenaran-Nya.
- Berdoa untuk Kementerian Hal-ehwal Ekonomi yang berfungsi sebagai agensi pusat yang mengawasi 32 buah agensi, khususnya yang terlibat secara langsung dalam pengagihan semula kekayaan untuk membasmi perbezaan dan ketidakadilan, bahawa ia akan berkesan dalam menarik pelaburan dan perniagaan yang baharu yang dapat mengambil manfaat daripada infrastruktur terancang negara dan kumpulan pekerja mahir yang sudah siap sedia.

## Jangan Suam-suam Kuku

*“Jadi kerana engkau suam-suam kuku, dan tidak dingin atau panas,  
Aku akan memuntahkan engkau dari mulut-Ku.”*

Bekalan air Laodikia memainkan peranan yang penting dalam apa yang dikatakan Yesus kepada mereka. Bandar ini tidak ada bekalan air bersih. Air disalurkan dari mata air. Sungai daripada dua buah kota yang berbeza – mata air mineral sekitar 8 kilometer jauhnya, di kota Hierapolis dan air minum dingin dari kota Kolose, 16 kilometer jauhnya.

Pada saat air panas dan dingin sampai Laodikia ia menjadi suam-suam kuku dan kandungan mineral yang tinggi dalam air panas akan menyebabkan seseorang muntah keluar. Ia tidak lagi berguna dan tidak lagi berfungsi seperti mana ia seharusnya.

Yesus sedang membuat satu poin rohani yang kuat: iman yang suam-suam kuku adalah tidak berguna! Kehidupan Kristian ialah satu panggilan untuk bertindak, hidup dalam kemenangan; tetapi kita terdedah kepada gangguan dan kompromi.

Apa yang membuat Tuhan tidak senang? Agama yang suam-suam kuku! Tiada keghairahan, tiada semangat, tiada ada ghairah untuk Tuhan atau orang yang terhilang. Tiada pertumbuhan, tiada buah dan semangat berdikari yang digoda oleh sikap mementingkan diri sendiri, berdikari, keuntungan dan kekuatan material. Ini menjadi bijak di mata kita sendiri.

Dengan jelasnya, Tuhan merindukan orang percaya yang “panas” yang konsisten yang menunjukkan semangat yang tulus dan tidak menimbulkan persoalan tentang iman mereka kepada Yesus.

Renungkan hal ini pada hari ini dan pertimbangkan soalan ini dengan sejujurnya: Adakah saya panas, dingin atau suam-suam kuku? Apakah tanda-tandanya?

### Doa Hari Ini:

- Berdoa untuk pengampunan Tuhan jika kita mempunyai suam-suam kuku di dalam gereja kita, bahawa kita lalai tentang pekerjaan Tuhan, dan kita tidak mengindahkan isi hati dan tujuan Tuhan untuk generasi dan negara ini, dan kita kurang mengambil peduli suara-Nya pembetulan-Nya dan teguran-Nya. Berdoa agar kita akan “panas” sekali lagi untuk Yesus dan tetap berapi-api dalam kerohanian kita.
- Berdoa agar Kementerian Kesihatan akan terus menguatkan keupayaan terasnya untuk mencegah, mengesan dan memberi respons dengan segera dan berkesan terhadap semua ancaman dan mereka akan mengambil tindakan keutamaan yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Dunia.

## Berhati-hati dengan Suam-suam Kuku

Adakah anda setuju secara umum, bahawa dewasa ini gereja suam-suam kuku?

Yesus menggunakan kalimat yang sangat kuat semasa menegur keadaan suam-suam kuku jemaat di Laodikia – “akan Kumuntahkan keluar dari dalam mulut-Ku”- dalam erti kata lain, dari sudut pandang Yesus, jemaat ini tidak layak untuk “dimakan” dan keadaan mereka membuat Dia muntah. Jangan terlepas gambaran ini. Perhatikan perkataan “akan”- Yesus akan (bukannya mungkin) muntah keluarkan mereka – suatu amaran setiap Kristian harus ambil dengan seriusnya. Yesus tidak dapat menerima “suam-suam kuku”. Sekarang anda mungkin katakan bahawa kasih karunia Tuhan menutupi segala-galanya, tetapi ia adalah penting untuk memahami bahawa kasih karunia bukanlah satu alasan untuk hidup dalam iman yang suam-suam kuku! Jika kita mahu menjadi pemenang... alasan itu tidak boleh bertahan sama sekali.

Adakah gereja anda selesai, puas dan sekadar melakukan aktiviti? Apakah kita

lebih peduli dengan penampilan kita dan begitu terganggu dengan politik hari ini sehingga kita kehilangan tanda tentang bagaimana menjadi terang yang menyala bagi negara kita?

Jemaat di Laodikia tidak sedar betapa lekanya keadaan mereka. Kita harus sedar potensi lingkaran ke bawah dalam amaran ini kerana kita juga boleh jatuh ke dalam pola yang sama; walaupun kita “melayani” Yesus dengan setianya dan berpegang kepada kebenaran, kasih kita akan Dia boleh berhenti menjadi satu keutamaan. Ini berbahaya! Ketika kasih akan Tuhan menurun, begitu jugalah kasih akan Firman-Nya.

Renungkan hari ini jika kita melakukan semua yang kita mampu untuk mencari Kerajaan Tuhan terlebih dahulu. Adakah kebekuan (stagnan) rohani yang kita perlu sedari dan atasi?

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar Tuhan menolong kita sedar keutamaan yang sudah terabai dalam hidup kita yang menyebabkan kerosakan semangat dan kasih kita bagi Tuhan dan agar kita tidak akan jatuh ke dalam kepuasan apabila semua kelihatan seperti rutin dan terkawal.
- Berdoa agar Bahagian Perpaduan dan Kesejahteraan Sosial di Jabatan Perdana Menteri akan berkhidmat dengan baik dalam memupuk keharmonian di kalangan semua masyarakat dan menambahbaikkan status B40 supaya golongan yang miskin ada bahagian di dalamnya dan ada akses kepada kemakmuran ekonomi negara kita.

## Meihat Tapi Dibutakan

Laodikia terkenal dengan minyak balsam yang istimewa yang sangat berkesan dalam merawat pelbagai penyakit mata/penglihatan. Ironisnya, sementara Laodikia menolong orang lain melihat secara fizikal, Yesus memberitahu mereka bahawa mereka dibutakan secara rohani. Mereka tidak dapat melihat kemiskinan rohani diri mereka atau hakikatnya mereka telah melepaskan Yesus dalam hidup mereka.

Sering kali kita pandai memberitahu orang lain bagaimana “menyembuhkan” pandangan mereka terhadap Tuhan dan kerohanian. Kita gemar memberitahu mereka apa yang benar dan tidak benar tetapi tidak sedar diri kita yang buta secara rohani sedang berkompromi dan telah melepaskan Yesus. Dalam Markus 8:18a, Yesus menegur murid-murid-Nya dengan menanyakan, “Kamu mempunyai mata, tidakkah kamu melihat...?” Ini memberi maksud, anda dapat melihat tetapi tidak dapat mengerti. Kita lihat dan berespons kepada perkara yang menarik perhatian kita dan menolak tuntutan dan respons yang benar yang diminta Tuhan untuk kita. Hidup yang kita hidupi setiap hari untuk Tuhan haruslah dengan niat.

Adalah mudah untuk mengambil cebisan Alkitab yang kita setuju dan tidak “melihat” bahagian yang lain. Adalah lebih sukar untuk menerapkan kebenaran-Nya dengan sudut pandang dunia yang sudah kita bina. Kita tidak boleh memuaskannya hati kedua-dua kedangkalan kita dan Yesus.

Soalan: Dengan cara apa ini dapat menghuraikan bahagian-bahagian kehidupan anda? Adakah anda pernah mengalami saat-saat ketika anda berasa tidak peduli pada Tuhan atau pekerjaan-Nya dalam hidup anda? Kita fikir kita baik-baik sahaja sehingga Tuhan menggoncang kita terbangun dengan keadaan sekeliling kita yang membuat kita berhenti dan bertanya, “Adakah saya benar-benar melihat dan melakukan apa yang dituntut oleh Tuhan ke atas saya?”

Yesus memanggil kita untuk “bersemangat dan bertaubat” (Wahyu 3:19). Janji-Nya yang penuh kasih karunia ialah Dia akan memiliki persekutuan yang penuh kasih dengan kita, iaitu meskipun kita ditegur, Yesus mengasihi kita sebagai teman-teman-Nya.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar Tuhan akan menyingkirkan dan menyembuhkan kebutaan rohani kita dan agar umat Tuhan akan peka kepada perkara-perkara dan fikiran Tuhan dan akan dapat mengerti kehendak-Nya daripada Firman-Nya yang hidup apabila kita melihat dengan perspektif syurgawi-Nya.
- Berdoa untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar skim pemilikan rumah yang dibuat untuk pembeli rumah kali pertama akan membantu mengurangkan beban generasi yang lebih muda terutamanya melalui projek sewabeli untuk manfaat golongan miskin bandar.

## Apa yang Harus Dikejar?

Sebahagian besar dunia berhutang budi kepada pemberitaan Firman Tuhan untuk kebebasan, undang-undang, moral, kemakmuran dan berkat mereka. Reformasi di Eropah dipengaruhi oleh penyampaian Firman Tuhan yang kuat oleh peribadi-peribadi seperti John Wesley, George Whitfield, dan Jonathan Edwards.

Melihat negara-negara itu pada hari ini, anda mungkin tertanya, “Apa yang sudah berlaku? Bagaimana mereka sudah kehilangan tempat itu dari Tuhan? Bagaimana mereka kehilangan semangat mereka, rasa kekudusan dan pengaruh ke atas masyarakat? Adakah masalahnya daripada kebebasan atau kemakmuran mereka? Tidak! Sebaliknya ia adalah bahaya yang halus dalam kedua-dua kebebasan dan kemakmuran itu.

Setan bekerja dan menyerang dengan halusnyanya. Dia tahu keinginan dan selera kita. Kita boleh menjadi cuai dan tidak peduli. Kita boleh mencari pemberian daripada Sang Pemberi. Kita lebih mementingkan keselesaan dan kebajikan kita daripada kerinduan dan tuntutan Yesus. Ia adalah suatu

cabaran harian untuk mengikut langkah-Nya.

Sejarah menunjukkan kepada kita bahawa dengan kebebasan dan kemakmuran datanglah godaan untuk mempercayai berkat kita daripada Peribadi yang memberkati kita. Apabila kita selesa, memiliki banyak dan menjadi berdikari, kita cenderung memikirkan bahawa kita tidak memerlukan apa pun.

Masalahnya ialah kita meletakkan iman kita pada perkara yang salah, dalam dunia material kita, dalam harta dunia di bumi. Sebaliknya, Alkitab memberitahu kita untuk mengumpulkan harta di syurga (1 Timotius 6:17-19). Alkitab memberi amaran kepada kita berulang-ulang kali.

Ambil masa sejenak hari ini untuk menyelidiki apa yang sebenarnya anda kejar dan cari: Sang Pemberi atau pemberian? Pemenang ialah seseorang yang mencari Sang Pemberi dengan penuh semangat dan menggunakan pemberian secara murah hatinya. Perubahan akan menyusul.

### Doa Hari Ini:

- Berdoa bahawa sebagai Gereja, kita akan mengejar Tuhan, Kerajaan-Nya dan Kebenaran-Nya lebih daripada apa pun yang kita inginkan dalam dunia ini dan agar kita akan meletakkan kepercayaan kita pada Sang Pemberi segala pemberian dan bukan pemberian itu sendiri.
- Berdoa untuk Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (Suhakam) agar melalui usaha dan pekerjaannya yang telah dihasilkan, rakyat Malaysia secara keseluruhannya akan sadar akan hak asasi manusia mereka, kebebasan mendasar sebagaimana termaktub di Bahagian I dan Bahagian II dalam Perlembagaan Persekutuan, dan ia akan berkhidmat sebagai satu organisasi yang menolong kerajaan Malaysia untuk menjadi lebih efektif dalam menangani dan mengukur hak manusia secara lokal dan antarabangsa.

## Ajakan Dia adalah untuk semua

Ketika kita baca Wahyu 3:21-22, di mana Yesus berkata “Mereka yang menang, akan Kuizinkan ...”, kita boleh menyimpulkan dengan baiknya bahawa Dia membunyikan sangkakala syurgawi kepada setiap orang untuk menjalani kehidupan yang telah diasingkan untuk tujuan-Nya, untuk menjadi suara-Nya, garam dan terang, orang-orang yang lain budayanya, dan orang-orang yang akan mengisytiharkan kebenaran-Nya.

Jemaat di Laodikia telah kehilangan impak ke atas dunia kerana ia telah menjadi sibuk dengan dunia. Ia telah membiarkan Tuhan berdiri di luar walaupun Dia bertanya meminta untuk masuk ke dalam, “Aku berdiri di depan pintu dan mengetuk.”

Sama ada anda percaya bahawa ketujuh-tujuh surat ini menggambarkan tujuh peringkat sejarah yang akan dilalui oleh Gereja, gereja ini memang menggambarkan keadaan Gereja di sebahagian besar dunia pada hari ini.

Apa yang mendefinisikan kita dari dunia tempat kita hidup? Ia adalah hubungan kita dengan Yesus. Adalah hidup kita yang menjalankan tujuan-Nya setiap hari, membawa pengaruh Firman-Nya, kasih-Nya dan penyelamatan kepada budaya dan dunia yang sedang merosot. Ia adalah suatu budaya yang berbeza untuk mengubah aliran setan dan melihat Roh Kebangkitan rohani dinyalakan di seluruh dunia.

Dia mahu kita melihat Dia, untuk berpakaian bagi diri kita sendiri dalam kebenaran-Nya, dimurnikan oleh api suci-Nya. Dia rindukan kita untuk memiliki telinga yang mendengar apa yang Roh Kudus sedang bicarakan kepada kita; dan hidup sebagai Pemenang dalam Kristus.

Jemaat di Laodikia telah menjadi suam-suam kuku dan terganggu daripada semangat dan visi yang beryala-nyala pada suatu ketika dahulu. Yesus mengajak mereka untuk memperbaharui fokus dan semangat mereka... dan hari ini, Dia mengajak ANDA juga!

### Doa Hari Ini:

- Berdoa agar kita akan mengizinkan Yesus untuk menjadi Kepala, Raja dan Tuhan Gereja bila kita menyembah sebagai Tubuh Kristus. Bertaubatlah jika kita tidak menjadikan Dia sebagai Tuhan, sebaliknya seorang hamba yang menunggu untuk memuaskan keinginan duniawi kita.
- Berdoa untuk Jabatan Audit Negara agar ia dapat menjalankan audit secara bebas dan audit profesional untuk mengemukakan akaun laporan yang diudit yang bertaraf antarabangsa kepada Parlimen tepat pada masanya dan adil.

# Penghargaan

<b>Mendengar Suara Roh Kudus untuk Masa Seperti ini</b>	Rev Dr Eu Hong Seng
<b>Tahun Dekad yang Baharu</b>	Pr Sam Ang
<b>Adakah Kita Mendengar Roh Tuhan?</b>	Rev Looi Kok Kim
<b>Penggunaan Dana yang dikumpulkan hasil daripada 40 hari puasa dan doa</b>	Rev Andy Chi
<b>Hari 1-3: Mempersiapkan Hati, Fikiran dan Roh Kita untuk Mendengar</b>	Dr Khoo Kay Hup
<b>Hari 4-8: Memperbaharui Kasih yang Pertama Kita</b>	Rev Elisha Satvinder
<b>Hari 9-13: Pemulihan Orang Yang Setia</b>	Rev Lee Yew Meng
<b>Hari 14-18: Pedang Bermata Dua Yang Tajam</b>	Elder Lee Choong San
<b>Hari 19-23: Kuasa Kekudusan dan Nubuat</b>	Rev Looi Kok Kim
<b>Hari 24-29: Dibangunkan untuk Hidup</b>	Pr Sam Ang
<b>Hari 30-32 Pintu Yang Terbuka Tiada Seorang Pun Yang Boleh Tutup</b>	Rev Looi Kok Kim
<b>Hari 33-34: Pintu Yang Terbuka Tiada Seorang Pun Yang Boleh Tutup</b>	Rev Lee Yew Meng
<b>Hari 35-40: Api Sang Pemurni. Bersiap sedia untuk Mengatasi</b>	Rev Elisha Satvinder
<b>Penasihat</b>	Dr Khoo Kay Hup Rev Andy Chi Rev Looi Kok Kim
<b>Penterjemah</b>	Charlynn Cheah Wai Lee
<b>Penyunting</b>	Pr Julidin Bin Lumanggong
<b>Pereka Kulit Buku</b>	Trinity Visual Communications S/B
<b>Pereka Susunan</b>	Khai Handmade & Design
<b>Printer</b>	Akitiara Corporation S/B

(Semua ayat Alkitab adalah daripada Alkitab Terjemahan Baru kecuali yang dinyatakan)











**National Evangelical Christian Fellowship (NECF) Malaysia**

32, Jalan SS2/103, 47300 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan,  
MALAYSIA.

Tel: +603-7727 8227 | Fax: +603-7729 1139

Email: [enquiries@necf.org.my](mailto:enquiries@necf.org.my)  
Website: [www.necf.org.my](http://www.necf.org.my)